

BAB IV

I'JA:Z BAYA:NIYY

4.0 Pendahuluan

I'ja:z baya:niyy mempunyai hubungan yang rapat dengan kajian ini. Struktur ayat merupakan sebahagian daripada elemen i'ja:z baya:niyy seperti yang dihuraikan dalam bab tiga. Sebelum menghuraikan secara terperinci berhubung struktur ayat dalam bab yang akan datang penulis akan menghuraikan i'ja:z baya:niyy dan bentuk-bentuknya supaya pembaca mendapat satu konsep umum berhubung i'ja:z baya:niyy. Berasaskan penelitian yang dijalankan, amat sukar untuk meninjau semua bentuk i'ja:z baya:niyy. Ini disebabkan usaha mencapai matlamat dalam pengkajian yang mendalam dan teliti berkaitan al-Qur'an serta menguasai laras bahasa al-Qur'an adalah perkara yang amat sukar. Justeru dalam kajian ini penulis akan membincangkan i'ja:z baya:niyy meliputi aspek-aspek; kata tugas (huruf ma'a:ni), pemilihan kata, struktur ayat, fa:ṣilat Qur'a:niyyaṭ dan i'ja:z kepelbagaian qira'at.

4.1 Kata Tugas Dan I'ja:z Baya:niyy

Kata tugas (huruf ma'a:ni) ialah huruf yang mempunyai makna tersendiri. Ia juga disebut sebagai huruf 'a:miḻaṭ. Antara contoh kata tugas dalam bahasa Arab ialah huruf jarr, huruf naṣb, huruf syarṭ, huruf istifha:m dan huruf 'aṭf. I'ja:z baya:niyy dalam kata tugas dapat dilihat seperti berikut:

4.1.1 Pemilihan Kata Tugas Sebagai Huruf Imbuan

Terdapat beberapa terminologi yang disebut oleh sarjana berkaitan istilah imbuan (za:idaṭ). Imbuan bermaksud perkataan dan huruf yang tidak diperlukan dari segi fleksi (i'ra:b). Sekiranya perkataan tersebut digugurkan, maka ayat masih sempurna seperti penggunaan huruf Ba:' yang menjadi khabar kepada Laysa. Contohnya أَلَيْسَ اللَّهُ ^{بِقَادِرٍ} kemudian digugurkan huruf Ba:' menjadi أَلَيْسَ اللَّهُ قَادِرًا. Huruf Ba:' disebut untuk menegaskan kata.¹

Sebahagian yang lain pula mendefinisikan imbuan sebagai sesuatu yang tidak menjejaskan makna sama ada disebut atau tidak. Perkataan tersebut disebut untuk tujuan kecantikan intonasi dan suara.²

Persoalan kata tugas dengan huruf imbuan mempunyai hubungan yang signifikan dengan i'ja:z baya:niyy. Antara sarjana yang membincangkan dalam karya mereka tentang topik ini ialah Bada:wiyy³ dan Bint Sya:ti:'⁴. Manakala karya khusus membincangkan topik ini ialah Laṭa:if al-Manna:n wa Rawa:i' al-Baya:n fi: da' wa al-Ziya:daṭ fi: al-Qur'a:n oleh 'Abba:s dan Ziya:daṭ al-Ḥuru:f Bayna al-Ta'yi:d wa al-Man'i wa Asra:ruha: al-Bala:ghiyat fi: al-Qur'a:n al-Kari:m oleh Fida:', Hayfa:'⁵.

¹ 'Abba:s (1989), *op.cit.*, hal. 58.

² *Ibid*

³ Badawi: (1978), *op.cit.*, hal. 95-104.

⁴ Bint al-Sya:ti:' (1987), *op.cit.*, hal. 168.

⁵ Fida:', Hayfa:' 'Uthma:n 'Abba:s (1996), *Ziya:daṭ al-Ḥuru:f Bayna al-Ta'yi:d wa al-Man'i wa Asra:ruha: al-Bala:ghiyat fi: al-Qur'a:n al-Kari:m*, Tesis Ph.D, Universiti Umm al-Qura:.

Para sarjana berselisih pendapat tentang kewujudan huruf imbuhan dalam al-Qur'an dari aspek balaghah.

(a) Golongan pertama berpegang dengan pandangan terdapatnya huruf imbuhan dalam al-Qur'an. Pandangan ini dipegang oleh sarjana-sarjana seperti Abu: 'Ubaydaṭ Ma'mar bin al-Muthanna: (m 210H), al-'Ukbariyy (m 616H),⁶ Ibn 'Aṭiyyaṭ al-Andalusiyy (m 451H),⁷ Abu: Ḥayya:n (m 754H)⁸ dan Ibn Qutaybat.⁹ Pandangan ini dipertahankan oleh beberapa sarjana moden seperti 'Uḍaymaṭ , 'Aliyy al-'Umariyy dan Mukrim, 'Abd al-'A:l Sa:lim.¹⁰

(b) Sarjana-sarjana yang berpegang dengan pandangan tiada huruf imbuhan daripada aspek balaghah. Pandangan ini dipelopori oleh al-Ṭabariyy (m 310H), al-Ra:ziyy(m 606H), Abu: Muslim Ibn Baḥr (m 322H)¹¹ dan Ibn al-Athi:r.¹² Pandangan ini dipegang oleh beberapa sarjana moden seperti al-Ra:fi'iy, Muḥammad 'Abduh, Darra:z, Badawiyy, 'Abd al-Raḥma:n Ta:j¹³, Bint Sya:ṭi:' , 'Abba:s, al-Kha:lidiyy¹⁴ dan Fida:'.

Berdasarkan tinjauan dan analisis yang dijalankan, penulis cenderung kepada pandangan yang mempertahankan keaslian huruf dan menolak huruf imbuhan di dalam al-Qur'an.¹⁵ Ini berasaskan beberapa alasan iaitu:

(a) Tidak ada kata tugas dalam al-Qur'an yang boleh ditafsirkan sebagai tambahan, digugurkan atau ditafsirkan dengan huruf yang lain. Sebaliknya penyebutan kata tugas

⁶ *Ibid*, hal. 27-113.

⁷ *Ibid*, hal. 212-229.

⁸ 'Abba:s (1989), *op.cit.*, hal. 59-60, Fida:' (1996), *op.cit.*, hal. 230-252.

⁹ Fida:'(1996), *op.cit.*, hal. 253-259.

¹⁰ 'Abba:s (1989), *op.cit.*, hal. 59-60, 71-90.

¹¹ 'Abba:s (1989), *op.cit.*, hal. 61-62.

¹² Fida:'(1996), *op.cit.*, hal. 201.

¹³ 'Abba:s (1989), *op.cit.*, hal. 62.

¹⁴ al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 173.

¹⁵ Penulis tidak membincangkan hujah-hujah yang digunakan oleh kedua-dua pihak dalam ruang yang terhad ini.

ini bertepatan dengan makna dan huruf-huruf ini menjadi cabaran kepada sesiapa yang cuba untuk menginterpretasikannya dengan maksud yang lain.¹⁶

(b) Penggunaan istilah imbuhan (za:idaṭ) atau ṣilat bukanlah untuk fungsi penegasan (تَأْكِيدٌ), keindahan intonasi huruf atau satu gaya bahasa. Penyebutan istilah-istilah ini tidak begitu teliti. Sekiranya dianalisis maka pembaca akan mendapati penyebutan kata tugas ini bertepatan dengan makna. Sekiranya fungsi huruf-huruf ini diabaikan, maka makna juga akan hilang. Tambahan pula istilah imbuhan (za:idaṭ) tidak wujud semasa al-Qur'an diturunkan. Istilah ini sebenarnya muncul kesan pertembungan antara dua mazhab nahu iaitu Kufah dan Basrah.¹⁷

(c) Mereka yang menerima huruf imbuhan mengharuskan huruf tersebut digugurkan. Pandangan ini bukan sahaja menghilangkan maksud yang ingin disampaikan bahkan menyebabkan keindahan intonasi akan hilang. Sebagai contoh firman Allah (s.w.t): مَا مَإِلَهِ إِلَّا اللَّهُ berbeza dengan مَا إِلَهُ إِلَّا اللَّهُ. Penggunaan frasa مَا مَإِلَهِ إِلَّا اللَّهُ mencatikan kecantikan bunyi lebih-lebih lagi frasa pertama merupakan ayat al-Qur'an. Maka bagaimana pendukung pandangan huruf imbuhan membayangkan al-Qur'an mengabaikan fungsi kata tugas yang dikatakan sebagai imbuhan (za:idaṭ).¹⁸

Bagi menghuraikan fakta ini, penulis akan menganalisis satu ayat yang disebut terdapat huruf imbuhan iaitu firman Allah (s.w.t) :

وَكَذَلِكَ نُرِي إِبْرَاهِيمَ مَلَكُوتَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلِيَكُونَ مِنَ الْمُوقِنِينَ (75)

Dan demikianlah Kami perlihatkan kepada Nabi Ibrahim kebesaran dan kekuasaan (Kami) di langit dan di bumi, dan supaya menjadilah ia dari orang-orang yang percaya dengan sepenuh-penuh yakin.

Surah al-An'a:m(6):75

¹⁶ Bint al-Sya:ṭi:' (1987), *op.cit.*, hal. 125.

¹⁷ Abba:s (1989), *op.cit.*, hal. 62-63.

¹⁸ Fida:'(1996), *op.cit.*, hal. 13-14.

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah (s.w.t) memperlihatkan kepada Ibrahim (a.s) tanda-tanda kebesaran Allah di langit dan di bumi. Tujuannya ialah Allah (s.w.t) berkehendak menjadikan Ibrahim (a.s) di kalangan orang-orang yang yakin.

Golongan yang mendukung pandangan huruf imbuhan menyatakan bahawa huruf ‘waw’ dalam ayat ini adalah tambahan¹⁹ kerana huruf la:m dalam ayat ini berfungsi sebagai لَامُ التَّعْلِيلِ. Ayat ini bermaksud أُرَيْنَا إِبْرَاهِيمَ مَلَكُوتَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ . Kami menunjukkan kepada Ibrahim keagungan Allah di langit dan di bumi supaya dia menjadi orang yang yakin.’ Dengan tafsiran ini, huruf ‘waw’ dalam ayat 75 surah al-An‘a:m tidak mempunyai apa-apa fungsi daripada segi nahu dan balaghah. Golongan ini menyokong pandangan mereka dengan membandingkan ayat ini dengan ayat 12 surah al-Ja:thiyat. Allah (s.w.t) berfirman:

اللَّهُ الَّذِي سَخَّرَ لَكُمْ الْبَحْرَ لِتَجْرِيَ الْفُلُكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ

Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu, **supaya** kapal-kapal belayar padanya dengan perintah-Nya...

Surah al-Ja:thiyat (45): 12

Mereka menyamakan ayat surah al-An‘a:m dengan ayat surah al-Ja:thiyat. Allah (s.w.t) menjadikan laut untuk kegunaan manusia bagi menggerakkan kapal mereka. ‘La:m’ dalam ayat 12 surah al-Ja:thiyat merupakan لَامُ التَّعْلِيلِ dan tidak menggunakan huruf ‘atf ‘waw’.²⁰

Pandangan yang menyatakan bahawa ‘waw’ dalam surah al-An‘a:m sebagai tambahan adalah meleset kerana ‘waw’ tersebut adalah ‘waw’ ‘atf dan bukannya waw imbuhan (za: idat). Frasa لِيَكُونَ مِنَ الْمُؤَقَّتِينَ sambung dengan ayat yang tidak disebut. Struktur ayat tersebut adalah seperti berikut:

كَذَلِكَ نُرِي إِبْرَاهِيمَ مَلَكُوتَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لِيَكُونَ مِنَ الْعَالِمِينَ وَلِيَكُونَ مِنَ الْمُؤَقَّتِينَ

¹⁹ Abu: Hayya:n (1993), *op.cit.*, j. 4, hal. 171, al-Alu:siyy (2001), *op.cit.*, j. 7, hal. 198.

²⁰ al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 181.

Maksudnya: Demikianlah kami tunjukkan kepada Ibrahim keagungan Allah di langit dan di bumi **supaya dia menjadi di kalangan orang-orang yang alim** dan supaya dia menjadi dalam kalangan orang-orang yang yakin.

Frasa **لِيَكُونَ مِنَ الْعَالِمِينَ** kepada **لِيَكُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ** adalah. Dengan tafsiran ini huruf ‘waw’ ‘atf berfungsi dari segi nahu dan balaghah.²¹

Kesimpulannya, pandangan yang mengatakan terdapatnya huruf imbuhan (za: idat) dari sudut balaghah tidak tepat. Sebaliknya huruf-huruf tersebut berfungsi menunjukkan keindahan gaya bahasa al-Qur’an seterusnya menjadi bukti i’ja:z al-Qur’a:n.

4.1.2 Penyebutan Dan Pengguguran Kata Tugas

Antara bentuk i’ja:z baya:niyy ialah penyebutan dan pengguguran kata tugas dalam konteks yang hampir sama. Penyebutan dan pengguguran ini mempunyai sebab yang signifikan. Penyebutan dan pengguguran kata tugas dalam al-Qur’an berkait rapat dengan konteks dan makna sesuatu ayat. Sebagai contoh apabila al-Qur’an menyebut tentang nikmat sungai yang disediakan untuk ahli syurga, al-Qur’an menggunakan huruf jar min **مِنْ** kecuali dalam ayat berikut. Allah (s.w.t) berfirman:

وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ حَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ
فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٥٧﴾

²¹ Ibn ‘A: syu:r (1997), *op.cit.*, j. 7, hal. 260-310, ‘Abba:s (1989), *op.cit.*, hal. 198-199, al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 181-182.

Dan orang-orang yang terdahulu, yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang Muhajirin dan Ansar, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Ia menyediakan untuk mereka **syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai**, mereka kekal di dalamnya selamanya; itulah kemenangan yang besar.

Surah al-Tawbat (9):100

Dalam ayat ini, al-Qur'an tidak menyebut huruf jarr 'min'. Mengapa dalam ayat-ayat yang lain, al-Qur'an menggunakan huruf jarr min dan dalam ayat di atas al-Qur'an menggugurkan huruf min? Bagi menjawab persoalan ini, dalam surah yang sama Allah (s.w.t) berfirman:

وَعَدَ اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ حَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَمَسْكِنٍ طَيِّبٍ فِي جَنَّةٍ عَدْنٍ وَرِضْوَانٍ مِّنَ اللَّهِ أَكْبَرَ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٧٦﴾

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, (akan beroleh) **syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai**; mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam "Syurga Adn" serta keredaan dari Allah yang lebih besar kemuliaannya; (balasan) yang demikian itulah kejayaan yang besar.

Surah al-Tawbat (9):72

Kedua ayat-ayat dalam surah ini menjelaskan tentang mauduk yang sama iaitu kemasukan orang mukmin ke dalam syurga pada hari akhirat dan mereka memperoleh keredaan Allah (s.w.t). Perbezaan antara kedua-dua ayat ialah huruf “ مِنْ ” dalam ayat 76 berfungsi sebagai *الابتدائية* yang membawa maksud: *الأنهارُ تتفجرُ تفجراً من تحتها،* *والمؤمنون والمؤمنات حنَّاتٍ تجري من تحتها الأنهارُ خالدين فيها* yang membawa maksud: *Air sungai memancar dari bawah syurga tersebut, air tersebut kemudian mengalir dari bawahnya ke tempat-tempat lain”*

Ayat ini memberi gambaran nikmat syurga yang berbeza dengan nikmat syurga dalam ayat 100. Ayat 100 menjelaskan bahawa air sungai mengalir melaluinya menuju

ke syurga lain dan bukannya berpunca dari syurga tersebut. Ayat 82 surah al-Tawbat menunjukkan tingkat syurga yang lebih tinggi berbanding ayat 100 kerana dalam ayat 82, punca air adalah dari syurga itu sendiri sedangkan dalam ayat 100 air sungai melalui syurga tersebut dan bukan berpunca dari syurga tersebut.²²

Hujahnya ialah ayat 82 surah al-Tawbat adalah umum kerana frasa **المؤمنين** **والمؤمنات** meliputi semua orang mukmin termasuklah para Nabi dan Rasul yang mempunyai kedudukan yang lebih afdal dan mulia, justeru mata air sungai berpunca dari syurga mereka. Ayat 100 surah al-Tawbat pula menerangkan khusus tentang tiga golongan mukmin daripada kalangan umat Muhammad (s.a.w) iaitu golongan yang awal memeluk Islam daripada kalangan Muhajirin dan Ansar serta golongan yang mengikut jejak langkah mereka. Tidak termasuk dalam ayat ini Nabi-nabi dan Rasul-rasul (a.s).²³

Justeru nikmat untuk tiga golongan ini lebih rendah darjatnya dari darjat syurga para Nabi dan Rasul (a.s). Menurut al-Iska:fiyy sungai yang mengalir di syurga disebut bersama huruf jarr (**مِنْ**), adalah merujuk kepada syurga untuk mukmin secara umum dan ianya termasuklah para Nabi. Pada tempat yang tidak disebut huruf **مِنْ** maka ia untuk golongan mukmin yang tertentu tidak termasuk para Nabi seperti dalam ayat 100 surah al-Tawbat.²⁴

²² al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 199.

²³ Ibid

²⁴ al-Iska:fiyy (1977), *op.cit.*, hal. 102-103, al-Sa:marra:iyy (1998), *op.cit.*, hal. 145-147, al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 199-200.

4.1.3 Penggunaan Kata Tugas Yang Berbeza Dalam Konteks Yang Hampir Sama

Antara bentuk i'ja:z baya:niyy dalam pemilihan huruf ialah penggunaan kata tugas yang berbeza dalam konteks yang hampir sama. Penggunaan huruf ini apabila diteliti dan analisis bertepatan sekali dengan konteks ayat. Contohnya penggunaan **عَلَيْكُمْ** dan **لَكُمْ** dalam surah al-Naḥl (16):10 dan surah al-Anfa:l (8):11.

Firman Allah (s.w.t):

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لَكُمْ مِنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ شَجْرٌ فِيهِ تُسِيمُونَ

Dialah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya **untuk** minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak makan padanya. Surah al-Naḥl (16):10

Firman Allah (s.w.t):

إِذْ يُغَشِّيكُمُ الْغُصَاةَ مِنْهُ وَيُنزِلُ عَلَيْكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لِيُطَهِّرَكُم بِهِ وَيُذْهِبَ عَنْكُمْ رِجْزَ الشَّيْطَانِ وَلِيَرْبِطَ عَلَى قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ

(Ingatlah) ketika kamu diliputi perasaan mengantuk sebagai satu (pemberian) aman dari Allah (untuk menghapuskan kecemasan kamu). Dan (ingatlah ketika) ia menurunkan **kepada kamu** hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengannya dan menghapuskan dari kamu gangguan syaitan, dan juga untuk menguatkan hati kamu dan menetapkan dengannya tapak pendirian (kamu di medan perjuangan). Surah al-Anfa:l (8):11

Apakah perbezaan penggunaan **عَلَيْكُمْ** dan **لَكُمْ** dalam ayat di atas? Ayat 10 surah al-Naḥl dan ayat-ayat lain yang berkaitan penurunan hujan yang diikuti dengan penyebutan huruf **la:m** sangat banyak.²⁵ Ayat-ayat yang diikuti dengan huruf **la:m** menjelaskan fungsi air untuk kegunaan manusia seperti menyuburkan tumbuh-tumbuhan, memberi minum kepada binatang ternakan dan kegunaan-kegunaan yang lain. Ayat-ayat yang datang dalam konteks ini semuanya menggunakan huruf **la:m** yang

²⁵ Lihat sebagai contoh: Surah al-Baqaraṭ (2): 22, surah Ibra:him (14):32, surah al-Naḥl (16):10, surah al-Naml (27):60, surah Gha:fir (40):13

membawa maksud untuk kegunaan manusia kerana tanpa air, kehidupan tidak sempurna seperti firman Allah (s.w.t):

لِنُحْيِيَ بِهِ بَلْدَةً مَّيْتًا وَنُسْقِيَهُ مِمَّا خَلَقْنَا أَنْعَمًا وَأُنَاسٍ كَثِيرًا ﴿٤٩﴾

Untuk Kami hidupkan dengan air itu bumi yang mati, serta memberi minum air itu kepada sebahagian dari makhluk-makhluk kami, khasnya binatang ternak yang banyak dan manusia yang ramai.

Surah al-Furqa:n (25):49

Konteks ayat surah al-Anfa:l; berbeza dengan ayat-ayat yang lain. Justeru huruf *عَلَى* digunakan. Ayat surah al-Anfa:l menjelaskan tentang nikmat Allah (s.w.t) kepada tentera Islam dalam peperangan Badar.²⁶ Pemilihan huruf jarr *عَلَى* adalah tepat sekali. Hujan yang turun kepada tentera Islam adalah dalam situasi peperangan di padang pasir yang gersang. Tujuan penurunan hujan dalam ayat ini bukanlah untuk kegunaan-kegunaan lain seperti dalam ayat yang mengandungi huruf jarr *la:m* sebaliknya hujan itu turun ke atas tentera itu sendiri untuk membersihkan tubuh badan mereka agar mereka dapat berhadapan dengan musuh dalam suasana jiwa dan jasad yang bersih. Jelaslah di sini rahsia pemilihan huruf jarr *عَلَى* yang menunjukkan maksud hujan itu turun khusus ke atas tentera tersebut dan bukannya untuk tujuan kegunaan yang lain.²⁷

4.2 I'ja:z Baya:niyy Dan Pemilihan Perkataan

Perkataan adalah merupakan elemen kedua dalam i'ja:z. Sejarah menunjukkan generasi awal mengiktiraf ketinggian perkataan al-Qur'an. Dirwayatkan seorang badwi yang mempunyai kefasihan bahasa telah mendengar seorang lelaki membaca perkataan *كفر* dalam ayat berikut:

تَجْرِي بِأَعْيُنِنَا جَزَاءً لِمَنْ كَانَ كُفِرًا ﴿٥٠﴾

²⁶ Lihat tentang penurunan hujan ke atas tentera Islam dalam peperangan Badar dalam al-Ṭabariyy (1960), *Ja:mi' al-Baya:n fi: Ta'wi:l A:y al-Qur'a:n*, sunt. Maḥmu:d Muḥammad Sya:kir, j. 13, hal. 422-425.

²⁷ Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 137.

Yang berlayar laju dengan pemeliharaan dan pengawasan, (kami melakukan yang demikian dan menimpakan taufan itu) sebagai balasan bagi orang-orang yang kufur ingkar!.

Surah al-Qamar (54):14

Lelaki itu membaca kafara, huruf ka:f dibaca dengan baris atas. Apabila bacaan tersebut didengari oleh Arab badwi tersebut lantas berkata: Bacaan itu tidak tepat. Apabila dibaca huruf ka:f dengan baris hadapan, barulah badwi itu berkata: Ini bacaan tepat.²⁸

Saidina Umar (r.a) menjelaskan rahsia pemilihan perkataan ^{كُنتُمْ} dan bukannya ^{أَنْتُمْ} dalam ayat berikut:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ

“Kamu(wahai umat Muhammad), adalah sebaik-baik umat...”

Surah A:l ‘Imra:n(3):110

Menurut Umar (r.a), sekiranya dikehendaki oleh Allah (s.w.t), Allah (s.w.t) boleh berfirman: ^{أَنْتُمْ} maka maksudnya kita semua(sahabat) tetapi Allah menyebut ^{كُنتُمْ} yang membawa maksud kamu sahabat-sahabat Rasul (s.a.w) dan mereka yang melakukan perbuatan seperti sahabat-sahabat Rasul (s.a.w) adalah sebaik-baik umat yang diutuskan kepada manusia untuk menyeru kepada perkara yang baik dan mencegah kemungkarannya.²⁹

Kata-kata Saidina Umar dan Badwi tersebut jelas sekali menunjukkan nilai perkataan al-Qur’an yang unggul. Selain itu, ketinggian perkataan al-Qur’an juga mendapat pengiktirafan di kalangan sarjana al-Qur’an.

²⁸ al-Ja:ħiz (t.t) , *op.cit.*, j. 2, hal. 327, Mohd Fahmi Khir (2001), *op.cit.*, hal. 27.

²⁹ al-Ṭabariyy (2001), *op.cit.*, j. 4, hal. 29.

Menurut al-Khaṭṭā:biyy (m 388H) dalam karyanya Baya:n I'ja:z al-Qur'a:n tidak ada perkataan yang lebih fasih, petah dan indah daripada perkataan al-Qur'an.³⁰

Ibn 'Aṭiyyaṭ (m 546H) pula berpendapat tidak ada perkataan Arab lain yang dapat menggantikan perkataan yang disebut dalam al-Qur'an.³¹

Al-Aṣfaha:niyy (m 626H) pula berpendapat perkataan dalam al-Qur'an merupakan isi kepada kosa kata Arab. Perkataan al-Qur'an menjadi asas kepada ahli fiqh dalam mengeluarkan hukum, para penyair dan ahli balaghah kagum dengannya.³²

Pernyataan-pernyataan yang disebut oleh sarjana-sarjana tersebut, jelas sekali menunjukkan ketinggian bahasa al-Qur'an dari segi pemilihan perkataan. Antara bentuk-bentuk i'ja:z baya:niyy dalam pemilihan perkataan ialah:

4.2.1 Pemilihan Perkataan Pada Tahap Faṣa:ḥaṭ Yang Tinggi

Menurut al-Ba:qilla:niyy, lafaz yang fasih menjadi salah satu bentuk i'ja:z. Beliau menyifatkan perkataan-perkataan al-Qur'an mudah untuk disebut, tidak janggal dan tidak direka-reka.³³

Berhubung faṣa:ḥaṭ, sarjana balaghah meletakkan syarat-syarat bagi kata yang fasih ialah perkataan yang bilangan hurufnya sedikit supaya kata tersebut mudah untuk disebut dan indah serta enak didengar.³⁴ Oleh itu kebanyakan perkataan Arab adalah terbentuk daripada tiga huruf (thula:thiyy) dan jarang sekali perkataan Arab yang

³⁰ al-Khaṭṭā:biyy (1968), *op.cit.*, hal. 27.

³¹ Ibn 'Aṭiyyaṭ (1982), *op.cit.*, j. 1, hal. 39.

³² al-Aṣfaha:niyy (1992), *op.cit.*, hal. 55.

³³ al-Ba:qilla:niyy (1954), *op.cit.*, hal. 63.

³⁴ Faṣa:ḥaṭ dari sudut balaghah bermaksud satu rangkaian daripada lafaz-lafaz yang jelas, baik susunannya, mudah difahami dan biasa digunakan oleh para penulis dan penyair kerana keindahan lafaz-lafaz tersebut. Lihat : al-Ha:shimiyy (1986), *op.cit.*, hal. 6, Siti Iqbal (1999), *op.cit.*, hal. 41.

terbentuk daripada lima huruf (khuma:siyy), justeru al-Qur'an tidak menggunakan kata dasar yang berasal daripada perkataan khuma:siyy kecuali nama-nama Nabi yang diarakkan seperti إبراهيم dan إسماعيل. Kata-kata ini asalnya bukan perkataan Arab.³⁵ Justeru itu mana-mana kata yang bilangan hurufnya lebih daripada kebiasaan maka tidak dianggap fasih.

Apabila meninjau beberapa perkataan dalam al-Qur'an yang dibaca sepintas lalu, ia kelihatan panjang tetapi penggunaan huruf yang banyak dalam perkataan al-Qur'an jelas berbeza dengan kata-kata yang disebut oleh penyair.

Antara perkataan tersebut ialah:

- (a) (فَاسْقَيْنَكُمُوهُ)³⁶ mengandungi 11 huruf.
- (b) (أَقْتَرَفْتُمُوهَا)³⁷ mengandungi 10 huruf.
- (c) (أَنْزَلْنَاهُكُمْ)³⁸ terdiri daripada 10 huruf.
- (d) (فَسَيَكْفِيكَهُم)³⁹ terdiri daripada 9 huruf.
- (e) (لَيَسْتَخْلِفَنَّهُم)⁴⁰ terbentuk daripada 10 huruf.

Selepas diteliti pada perkataan ini, semuanya mudah disebut, huruf-hurufnya keluar dari makhraj dengan mudah walaupun bilangan hurufnya mencecah sepuluh huruf. Faktor yang menyebabkan perkataan ini mudah disebut ialah walaupun kata-kata ini secara zahirnya merupakan satu perkataan tetapi dari segi makna ia lebih dari satu perkataan. Contohnya, perkataan (لَيَسْتَخْلِفَنَّهُم) mengandungi tiga perkataan dari segi makna kemudian disatukan dalam satu perkataan. Asal kata ini ialah (لَيَسْتَخْلِفَنَّ اللَّهُ)

³⁵ La:siy:n (1983), *op.cit.*, hal. 38.

³⁶ Surah al-Hijr (15): 22.

³⁷ Surah al-Tawbat (9) : 24.

³⁸ Surah Hu:d (11): 28.

³⁹ Surah al-Baqarat (2): 137.

⁴⁰ Surah al-Nu:r (24): 55.

الْمُؤْمِنِينَ Oleh kerana perkataan (الْمُؤْمِنِينَ) telah disebut pada awal ayat, maka ia tidak disebut dan memadai dengan penyebutan kata ganti nama sahaja.⁴¹ Demikian juga dengan kata-kata lain, walaupun kelihatan panjang tetapi kata tersebut adalah pada tahap faṣa:ḥaṭ yang tinggi.⁴²

4.2.2 Penyebutan Dan Pengguguran Abjad Dalam Perkataan.⁴³

Antara bentuk i'ja:z al-Qur'a:n ialah penyebutan abjad (huruf maba:niyy)⁴⁴ dalam perkataan di tempat yang tertentu dan penggugurannya di tempat yang lain. Penyebutan dan pengguguran ini adalah bertepatan dengan konteks ayat. Sebagai contoh, al-Qur'an menggugurkan satu huruf dalam kata kerja untuk menunjukkan makna perbuatan yang sedikit manakala penyebutan huruf yang sama menunjukkan kekerapan perbuatan atau tempoh perbuatan lebih panjang.⁴⁵

⁴¹ Ibn al-Athi:r (1956), *op.cit.*, hal. 59, al-Ra:fi'iy (1973), *op.cit.*, hal. 229.

⁴² Lihat huraian tentang kefasihan kata-kata ini dalam La:si:n (1983), *op.cit.*, hal. 38-41.

⁴³ Lihat perbincangan berkaitan bentuk ini dalam al-Sa:marra:iyy (1999), *op.cit.*, hal. 11-39, al-Kha:lidiyy (2000), *op.cit.*, hal. 242-250, Mohd Fahmi Khir dalam disertasinya: Pengguguran Kata dan Ayat, Satu Analisis Kemukjizatan al-Qur'an, disertasi M.M.L.S, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 2002.

⁴⁴ Huruf maba:niyy bermaksud huruf yang digunakan dalam pembentukan perkataan. Huruf ج , ل dan س diistilahkan sebagai huruf al-maba:niyy dan tidak mempunyai pengertian. Huruf ini hanya mempunyai makna apabila digabungkan dalam satu perkataan iaitu جلس yang membawa maksud duduk. Fungsi huruf-huruf ini akan dapat difahami apabila menjadi satu perkataan.

⁴⁵ Antara contoh penyebutan dan pengguguran abjad dalam perkataan ialah:

(a) Penyebutan huruf التاء pada perkataan تستطع dalam ayat 78 surah al-Kahf dan penggugurannya pada perkataan تستطع dalam ayat 82 surah al-Kahf.

(b) Penyebutan huruf التاء pada perkataan استطعوا dan penggugurannya pada perkataan استطعوا dalam ayat 97 surah al-Kahf.

(c) Penyebutan huruf النون pada perkataan تكن dalam ayat 70 surah al-Naml dan penggugurannya pada perkataan تك dalam ayat 127 surah al-Nahl.

(d) Penyebutan huruf الياء pada perkataan نبغي dalam ayat 65 surah al-Naml dan penggugurannya pada perkataan نبغ dalam ayat 64 surah al-Kahf.

(e) Penyebutan huruf التاء pada perkataan تفرقوا dalam ayat 14 surah al-Syu'ara:' dan penggugurannya pada perkataan تفرقوا dalam ayat 103 surah A:l 'Imra:n.

(f) Penyebutan huruf التاء pada perkataan تنزل dalam ayat 30 surah Fuṣṣilat dan penggugurannya pada perkataan تنزل dalam ayat 4 surah al-Qadr.

Sebagai contoh, penulis akan menghuraikan rahsia penyebutan huruf **الياء** dalam

Surah al-Muna:fiq:n dan penggugurannya dalam Surah al-Isra:’ Firman Allah (s.w.t):

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا
أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِنَ الصَّالِحِينَ (10)

Dan belanjakanlah (dermakanlah), sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya (kalau tidak), maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: "Wahai Tuhan-ku, alangkah baik kalau **kau lambatkan** kedatangan ajal ke satu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan aku dapat pula menjadi orang-orang yang soleh?"

Surah al-Muna:fiq:n(63):10

Firman Allah (s.w.t):

قَالَ أَرَأَيْتَكَ هَذَا الَّذِي كَرَّمْتَ عَلَيَّ لَئِنِ أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ لِأَحْتَنِكَ
ذُرِّيَّتَهُ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٢﴾

Ia (Iblis) berkata lagi: "Khabarkanlah kepadaku inikah orangnya yang Engkau muliakan mengatasi diriku? Jika **Engkau memberi tempoh kepadaku** hingga hari kiamat, tentulah aku memancing menyesatkan keturunannya, kecuali sedikit(di antaranya)".

Surah al-Isra:’(17):62

Penyebutan dan pengguguran huruf **الياء** yang merupakan kata ganti diri pertama dalam kedua-dua ayat sesuai dengan konteks ayat. Ayat surah al-Isra:’ menjelaskan penangguhan yang diminta oleh Iblis. Penangguhan yang diminta Iblis bukanlah untuk diri sendiri tetapi bertujuan menyesatkan manusia. Iblis dalam permintaan ini tidak mempunyai apa-apa kepentingan dan permintaannya tidak memberi apa-apa kemaslahatan mahupun kemudaratannya kerana Iblis telah tetap balasannya di neraka.

(g) Penyebutan huruf **الياء** pada perkataan **توفاهم** dalam ayat 78 surah al-Nahl dan penggugurannya pada perkataan **توفاهم** dalam ayat 97 surah al-Nisa:’.

(h) Penyebutan huruf **الياء** pada perkataan **تبدلوا** dalam ayat 2 surah al-Nisa:’ dan penggugurannya pada perkataan **تبدلوا** dalam ayat 52 surah al-Ahza:b.[Lihat rahsia penyebutan dan pengguguran huruf ini dalam al-Sa:marraiy(1999), *op.cit.*, hal.11-39.]

Maka huruf الياء tidak disebut. Ini berbeza dengan konteks ayat dalam Surah al-Muna:fiqun yang menerangkan perihal manusia yang meminta penangguhan seketika daripada kematian dengan tujuan untuk bersedekah dan beramal soleh. Penangguhan ini benar-benar diperlukan oleh peminta dan ini diserlahkan dengan penyebutan kata ganti nama diri pertama (أَخْرَجْتَنِي).⁴⁶

Dari aspek yang lain permintaan Iblis menggunakan partikel syarat لَئِنْ (jika) yang membawa maksud permintaan tersirat (الطَّلَبُ الضَّمْنِي) , manakala permintaan manusia yang berada pada saat kematian menggunakan partikel syarat لَوْلَا (alangkah baik) merupakan permintaan tersurat (الطَّلَبُ الصَّرِيحُ). Permintaan secara tersurat ditunjukkan dengan penyebutan الياء manakala permintaan secara tersirat ditunjukkan dengan pengguguran الياء dan tanda penggugurannya ialah baris bawah pada huruf Nu:n
أَخْرَجْتَنِي⁴⁷

Huraian ini memperjelaskan pengguguran huruf dalam perkataan mempunyai makna tersirat yang memerlukan kepada penelitian sekaligus membuktikan i'jaz al-Qur'a:n.

⁴⁶ al-Sa:marra:iyy (1999), *op.cit.*, hal. 27.

⁴⁷ al-Sa:marra:iyy (1999), *op.cit.*, hal. 28.

4.2.3 Sinonim Dalam al-Qur'a:n

Sinonim (tara:duf) bermaksud kepelbagaian perkataan yang berlainan derivasi tetapi membawa satu makna tanpa sebarang perbezaan.⁴⁸ Para sarjana al-Qur'an berselisih pandangan tentang kewujudan sinonim di dalam al-Qur'a:n.⁴⁹ Antaranya:

(a) Golongan yang mempertahankan sinonim

Golongan ini berpandangan bahawa dalam al-Qur'an terdapat sinonim sepertimana sinonim terdapat dalam bahasa Arab. Hujah golongan ini adalah kerana al-Qur'an turun dalam bahasa Arab, maka al-Qur'an mengikut gaya bahasa Arab. Golongan ini melihat sinonim sebagai satu dari keistimewaan bahasa Arab.

Antara sarjana yang menyokong pandangan ini ialah Ibn al-Athi:r (m 637H), Abu: Bakr Ibn al-'Arabiyy (m 543H), Abu: Bakr al-Ḥusayniyy (m 1341H), Subḥiyy Ṣa:liḥ, Ibra:him Ani:s,⁵⁰ Mukrim, 'Abd al-'A:l⁵¹ dan al-Khuḍar⁵². Ibn al-Athi:r berpandangan bahawa dalam al-Qur'an terdapat sinonim kerana sinonim digunakan oleh sasterawan zaman jahiliyah. Firman Allah (s.w.t):

وَإِنْ تَعَفُّواْ وَتَصْفَحُواْ وَتَغْفِرُواْ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

Dan kalau kamu memaafkan dan tidak memarahkan mereka serta mengampunkan kesalahan mereka, (maka Allah akan berbuat demikian kepada kamu) kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

⁴⁸ al-Sya:yi' (1993), *op.cit.*, hal. 26.

⁴⁹ Lihat pandangan-pandangan ini dalam al-Sya:yi' (1993), *al-Furuq al-Lughawiyat wa Atharuha: fi: Tafsi:r al-Qur'a:n al-Kari:m*, al-Munajjid (1996), *al-Tara:duf wa al-Isytira:k wa al-Taḍa:d fi: al-Qur'a:n al-Kari:m*; Kama:l 'Abd al-Raḥi:m Rasyi:d (1996), *al-Tara:duf fi: al-Qur'a:n al-Kari:m*, Munirah binti Isa (2006) *Tara:duf dalam surah-surah yang bermula dengan Ali:f La:m Mi:m*.

⁵⁰ Lihat pandangan-pandangan ini dalam al-Sya:yi' (1993), *op.cit.*, hal. 165-171.

⁵¹ Mukrim, 'Abd al-'A:l (2001), *al-Tara:duf fi: al-Ḥaql al-Qur'a:niyy* (2001), Beirut: Muassasat al-Risa:lat.

⁵² al-Khuḍar (2001), *Min Fj'a:z al-Lughawiyy fi: al-Qur'a:n al-Kari:m Dira:sa:t li Za:hiraṭ al-Tara:duf al-Lafziyy*, al-Mansu:rat: Da:r al-Wafa:'.

Menurut Ibn al-Athi:r perkataan *تَعَفُّوا-تَصَفَّحُوا-تَغْفِرُوا* adalah sinonim. Ketiga-tiga perkataan diulang-ulang untuk menunjukkan kebaikan bapa yang memaafkan kesalahan anaknya dan suami yang memaafkan isterinya.⁵³

Şa:lih, Subhi: mempertahankan sinonim dalam bahasa Arab dan membidas golongan yang menolak sinonim dalam al-Qur'an. Hujah beliau ialah sinonim telah wujud dalam dialek Quraisy. Dialek Quraisy telah bercampur dengan dialek-dialek Arab yang lain menyebabkan orang Arab menggunakan beberapa perkataan yang sinonim dengan dialek Quraisy yang asal. Lama-kelamaan dialek-dialek tersebut menjadi bahasa yang digunakan oleh Quraisy dan tidak diketahui lagi asal-usul perkataan tersebut. Apabila al-Qur'an diturunkan mengikut dialek Quraisy yang terbentuk hasil kombinasi dialek-dialek suku Arab yang lain ditambah dengan dialek Quraisy yang asal, maka secara automatik sinonim terdapat dalam al-Qur'an.⁵⁴

(b) Golongan yang menolak sinonim dalam al-Qur'an

Golongan ini berpandangan bahawa tidak terdapat sinonim dalam al-Qur'an. Golongan ini melihat kehebatan al-Qur'an dalam pemilihan kata menjadi satu bukti i 'ja:z al-Qur'an. Antara sarjana yang menyokong pandangan ini ialah al-Ja:hi:z, Ibn Jari:r al-Ṭabariyy, al-Khaṭṭa:biyy, al-Aşfaha:niyy, Ibn 'Aṭiyyaṭ, al-Zamaksyariyy, Ibn Taymiyyaṭ, Ibn Kathi:r, al-Qurṭubiyy, al-Zarkasyiyy,⁵⁵ Bint al-Sya:ṭi:⁵⁶, La:syi:n⁵⁷, al-

⁵³ Ibn al-Athi:r (1956), *op.cit.*, j. 2, hal. 174.

⁵⁴ Şa:lih (1986), *op.cit.*, hal. 300.

⁵⁵ Lihat pandangan-pandangan ini dalam al-Sya:yi' (1993), *op.cit.*, hal. 181-211.

⁵⁶ Bint al-Sya:ṭi:' (1971), *op.cit.*, hal. 193-220.

⁵⁷ La:syi:n (1981), *op.cit.*, hal. 62-108.

Sya:yi‘ , ‘Abba:s⁵⁸, al-Kha:lidiyy⁵⁹, al-Munajjid⁶⁰, Wa:lid Qaṣṣa:b⁶¹ dan al-Sa:marra:iyy.⁶²

Al-Ja:ḥiẓ mempersoalkan sesetengah pihak yang memandang ringan tentang pemilihan perkataan al-Qur’an. Beliau membawa contoh penggunaan perkataan الْجُوعُ adalah dalam konteks hukuman, kefakiran dan kelemahan. Orang Arab tidak menggunakan kata السَّعْبُ tetapi kata الْجُوعُ untuk menyatakan azab. Beliau juga mempersoalkan golongan yang tidak dapat membezakan antara penggunaan perkataan (hujan) الْمَطْرُ dalam konteks kemurkaan Allah (s.w.t) dan الْغَيْثُ dalam konteks rahmat.⁶³

Al-Khaṭṭa:biyy pula membincangkan beberapa perkataan yang sepintas lalu dikatakan sinonim tetapi setelah dianalisis, setiap perkataan mempunyai perbezaan yang mendalam. Beliau memberi istilah perkataan yang sinonim menurut sebahagian sarjana dengan lafaz yang hampir daripada segi makna (الْفَازُ مُتَقَارِبِي الْمَيْعِ). Al-Khaṭṭa:biyy menyokong fakta ini dengan membawa contoh membuktikan terdapatnya perbezaan antara perkataan yang didakwa sinonim. Beliau membandingkan antara perkataan الْبُخْلُ - الشُّحُّ , بَلَى - نَعَمْ , قَعَدَ - جَلَسَ , الْحَمْدُ - الشُّكْرُ.⁶⁴

Al-Aṣfaha:niyy pula menghasilkan karyanya Mufrada:t fi: Ghari:b Alfa:ẓ al-Qur’a:n untuk menghuraikan perbezaan antara perkataan yang hampir maknanya dalam al-Qur’an. Penulis berpendapat karya ini merupakan aplikasi kepada teori lafaz yang

⁵⁸ ‘Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 168-182.

⁵⁹ al-Kha:lidiyy (1992), *op.cit.*, hal. 164-167, al-Kha:lidiyy (2000), *op.cit.*, hal. 201-218.

⁶⁰ Lihat al-Munajjid (1996), *al-Tara:duf wa al-Isytira:k wa al-Taḍa:d fi: al-Qur’a:n al-Kari:m*, tesis M.A yang dikemukakan di Universiti Damsyik.

⁶¹ Qaṣṣa:b (2000), *op.cit.*, hal. 51-69.

⁶² al-Sa:marra:iyy (2009), *op.cit.*, hal. 43-62.

⁶³ al-Jaḥi:ẓ (t.t), *op.cit.*, j. 1, hal. 20.

⁶⁴ al-Khaṭṭa:biyy (1968), *op.cit.*, hal. 26-29.

hampir dari segi makna yang diketengahkan oleh al-Khaṭṭābiyy. Beliau menghuraikan makna perkataan berasaskan ayat-ayat yang disebut dalam al-Qur'an dan berijtihad mencari penghubung antara satu-satu perkataan berasaskan kepada penggunaannya dalam pelbagai situasi dan kedudukannya di dalam al-Qur'an. Melalui hasil garapannya ini al-Aṣfaha:niyy berjaya membuktikan perbezaan antara perkataan yang dikatakan sinonim. Dalam pengantar karyanya, beliau juga menyatakan hasratnya untuk menulis sebuah buku berkaitan perkataan yang dikatakan sinonim seperti الْقَلْبُ - الْفؤَادُ - الصَّدْرُ.⁶⁵ Namun penulis tidak pasti apakah al-Aṣfaha:niyy berjaya menghasilkan karya tersebut atau tidak kerana karya tersebut tidak sampai kepada kita pada hari ini.

Berasaskan kepada pandangan-pandangan yang dikemukakan dan analisis yang dijalankan, penulis cenderung kepada teori perkataan yang hampir dari segi makna dan menolak kewujudan sinonim di dalam al-Qur'an sekaligus membuktikan i'ja:z al-Qur'an. Sehubungan dengan itu, dalam ruang yang terhad ini, penulis nukilkan perbezaan antara kata الْبَحْرُ dan الْيَمُّ⁶⁶ dalam al-Qur'an sebagai contoh kepada teori lafaz yang hampir dari segi makna.

Kedua-dua perkataan ini digunakan dalam al-Qur'an. Apakah perbezaan antara dua perkataan ini? Analisis menunjukkan Allah (s.w.t) menggunakan kedua-dua kata ini dalam kisah Musa (a.s) seperti dalam ayat berikut:

Firman Allah (s.w.t):

فَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَضْرِبْ بِعَصَاكَ الْبَحْرَ ۖ فَانفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَالطَّوْدِ الْعَظِيمِ ﴿١٣﴾

⁶⁵ al-Aṣfaha:niyy (1997), *op.cit.*, hal. 55.

⁶⁶ Kata الْيَمُّ juga merujuk kepada maksud laut. Lihat: Al-Aṣfaha:niyy (1997), *op.cit.*, hal. 893.

Lalu kami wahyukan kepada Nabi Musa: "Pukullah **laut** itu dengan tongkatmu".(Setelah dipukul) maka terbelahlah laut itu (kepada beberapa bahagian) lalu menjadilah air tiap-tiap bahagian yang terbelah itu terangkat seperti gunung yang besar.

Surah al-Syu'ara: (26):63

Firman Allah (s.w.t):

فَأَخَذْنَاهُ وَجُنُودَهُ فَنَبَذْنَاهُمْ فِي الْيَمِّ فَأَنْظَرَ كَيْفَ كَانَتْ عَاقِبَةُ الظَّالِمِينَ

Dengan sebab itu, Kami mengepungnya bersama-sama tenteranya, serta Kami hancurkan mereka ke dalam **laut**; maka perhatikanlah bagaimana buruknya kesudahan orang-orang yang zalim.

Surah al-Qaṣaṣ (28):40

Analisis yang dijalankan menunjukkan kata **الْيَمِّ** digunakan dalam al-Qur'an sebanyak lapan kali dan semuanya dalam konteks kisah Nabi Musa (a.s).⁶⁷ Pemilihan kata **الْيَمِّ** mempunyai sebab yang signifikan. Menurut ahli linguistik seperti al-Suyuṭiy dan al-Jawaliqiy kata **الْيَمِّ** berasal daripada bahasa Hebrew.⁶⁸ Pemilihan kata **الْيَمِّ** bertepatan dengan Nabi Musa (a.s) dan pengikutnya yang bertutur dengan bahasa ini.

Dapatan juga menunjukkan kata **الْبَحْرِ** disebut dalam al-Qur'an sebanyak 33 kali dalam bentuk mufrad⁶⁹ dan penggunaannya adalah lebih luas bukan sahaja kisah Musa bahkan meliputi topik-topik yang lain.

Tinjauan yang dijalankan terhadap dua perkataan ini mendapati perkataan **الْبَحْرِ** digunakan dalam pelbagai konteks seperti menjelaskan laut sebagai nikmat dari Allah (s.w.t).⁷⁰ Kata **الْبَحْرِ** juga digunakan dalam konteks Bani Israel diselamatkan daripada

⁶⁷ Lihat: Surah al-A'ra:f (7):136, Surah Ṭa:ha: (20):39(dua kali), 78,97, Surah al-Qaṣaṣ (28):7,40, Surah al-Dha:riyyat (51):40.

⁶⁸ al-Suyuṭiy (2000), *op.cit.*, j. 1, hal. 443, al-Jawa:liqiy (1990), *op.cit.*, hal. 645.

⁶⁹ 'Abd al-Ba:qiy (1990), *op.cit.*, hal.114. Kata **الْبَحْرِ** juga disebut dalam bentuk muthanna **الْبَحْرَيْنِ**

sebanyak satu kali, **الْبَحْرَيْنِ** sebanyak empat kali, jama' **الْبَحَارِ** dua kali dan **أَبْحَرُ** sekali.

⁷⁰ Lihat sebagai contoh surah al-Baqaraṭ (2):164 menjelaskan tentang kapal-kapal yang belayar di laut menjadi bukti kekuasaan Allah kepada golongan yang berfikir, surah al-An'a:m (6):97 menjelaskan fungsi bintang sebagai panduan ketika berjalan malam di darat dan laut, surah al-Isra: (17):67 yang menyebut tentang manusia yang mengingati Allah semasa ditimpa bahaya di laut.

Firaun dan tenteranya dan tenggelamnya Firaun dan pengikut-pengikutnya.⁷¹ Perkataan **الْيَمِّ** pula digunakan dalam konteks ketakutan dan hukuman.⁷² Perbezaan antara perkataan **الْيَمِّ** dan **الْبَحْرِ** dapat dilihat dengan jelas dalam firman Allah (s.w.t):

وَلَقَدْ أَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِي فَاصْرَبْ لَهُمْ طَرِيقًا فِي الْبَحْرِ يَبَسًا لَا تَخَفُ دَرَكًا وَلَا تَحْشَىٰ (77) فَأَتْبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ بِجُنُودِهِ فَغَشِيَهُمْ مِنَ الْيَمِّ مَا غَشِيَهُمْ (78)

Dan Demi sesungguhnya telah kami wahyukan kepada Musa: "Hendaklah engkau membawa hamba-hamba-Ku(kaummu) keluar mengembara pada waktu malam, kemudian pukullah **air laut** dengan tongkatmu, untuk mengadakan jalan yang kering bagi mereka dilaut itu; janganlah kamu menaruh bimbang daripada ditangkap musuh dan janganlah pula engkau takut tenggelam. Maka Firaun mengejar mereka bersama-sama tenteranya, lalu ia dan orang-orangnya dilitupi oleh **laut** yang menenggelamkan mereka semuanya dengan cara sedahsyat-dahsyatnya. Surah *Ṭa:ha*: (20):77-78

Dalam ayat di atas kata **الْبَحْرِ** digunakan untuk menerangkan Allah menyelamatkan Musa dan Bani Israel dan kata **الْيَمِّ** hukuman ke atas Firaun dan tenteranya yang tenggelam.⁷³

Kesimpulannya penggunaan kata **الْيَمِّ** dalam al-Qur'an hanya disebut dalam kisah Musa (a.s) dalam konteks ketakutan dan hukuman. Penggunaan kata **الْبَحْرِ** pula adalah lebih umum meliputi kisah Musa (a.s) dan topik-topik lain sama ada dalam konteks rahmat mahupun azab.

⁷¹ Lihat sebagai contoh surah al-Baqaraṭ (2):50, surah al-A' ra:f (7):138 dan surah Yu:nus (10):90.

⁷² Lihat surah al-Qaṣaṣ (28):7 dan surah *Ṭa:ha*: (20):38-39 yang menjelaskan ibu Nabi Musa yang diperintahkan melepaskan anaknya dalam keadaan takut; surah al-A' ra:f(7):136, surah *Ṭa:ha*: (20):78 dan surah al-Qaṣaṣ (28):40 yang menerangkan hukuman Firaun dan pengikutnya yang ditenggelamkan di laut.

⁷³ Lihat rahsia penggunaan kata **الْبَحْرِ** dan **الْيَمِّ** dalam al-Sa:mirraiyy (2009), *op.cit.*, hal. 43-45.

4.2.4 Penggunaan Kata Nama Maskulin Dan Feminin Dalam Konteks Yang Hampir Sama

I'ja:z al-Qur'a:n pada pemilihan perkataan juga dapat dibuktikan melalui penggunaan kata nama feminin dan maskulin pada perkataan yang sama seperti kata عاصِفٌ dan عاصِفَةٌ dalam dua ayat di bawah.

Firman Allah (s.w.t)

هُوَ الَّذِي يُسِيرُكُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ حَتَّىٰ إِذَا كُنْتُمْ فِي الْفُلِكِ وَجَرِينَ بِهِم بِرِيحٍ طَيِّبَةٍ وَفَرِحُوا بِهَا جَاءَتْهَا رِيحٌ عَاصِفٌ وَجَاءَهُمُ الْمَوْجُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ وَظُنُّوا أَنَّهُمْ أُحِيطَ بِهِمْ دَعَوُا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ لَئِنِ أَخْرَجْنَا مِنْ هَذِهِ لَنَكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿٢٢﴾

Dialah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kenderaan); sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangannya dengan tiupan angin yang baik, dan mereka pun bersukacita dengannya; tiba-tiba datanglah kepadanya **angin ribut yang kencang**, dan mereka pula didatangi ombak menimpa dari segala penjuru, serta mereka percaya bahawa mereka diliputi oleh bahaya; pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepadanya semata-mata (sambil merayu dengan berkata): "Demi sesungguhnya! jika Engkau (Ya Allah) selamatkan kami dari bahaya ini, kami tetap menjadi orang-orang yang bersyukur".
Surah Yu:nus (10):22

Firman Allah (s.w.t):

وَلَسَلِّمَنَّ الَّرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِي بِأَمْرِهِ إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي بَرَكْنَا فِيهَا وَكُنَّا بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمِينَ ﴿٨١﴾

Dan (Kami mudahkan) bagi Nabi Sulaiman **angin yang kencang tiupannya**, bertiup menurut kehendak-Nya ke negeri yang Kami limpahi berkat padanya; dan adalah Kami mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.
Surah al-Anbiya: (21):81.

Dalam surah Yu:nus angin disifatkan dengan menggunakan kata nama maskulin ^{*}عَاصِفٌ manakala dalam surah al-Anbiya:’ angin disifatkan dengan menggunakan kata nama feminin ^{*}عَاصِفَةٌ. Apakah rahsia al-Qur’an menyebut dalam surah Yu:nus menggunakan kata nama maskulin dan dalam surah al-Anbiya:’ menggunakan kata nama feminin?

Daripada aspek tatabahasa Arab, perkataan ^{*}الرِّيحُ adalah tergolong dalam kumpulan kata nama feminin maja:ziyy (muannath maja:ziyy). Mana-mana perkataan feminin maja:ziyy harus disebut secara maskulin dan feminin. Tidak salah dari segi tatabahasa Arab seorang yang menyebut: ^{*}رِيحٌ عَاصِفَةٌ atau ^{*}رِيحٌ عَاصِفٌ

Dari aspek balaghah, penggunaan dua sifat yang berbeza adalah berdasarkan konteks dalam kedua-dua surah. Perkataan ^{*}الرِّيحُ dalam surah Yu:nus datang dalam konteks angin yang kencang, kuat dan membahayakan. Pada awal ayat, Allah (s.w.t) menyebut tentang situasi penumpang-penumpang kapal berada dalam suasana aman di tengah-tengah laut :

حَتَّىٰ إِذَا كُنْتُمْ فِي الْفُلِّ وَجْرَبْنَ بِهِم بِرِيحٍ طَيِّبَةٍ وَفَرِحُوا بِهَا

Maksudnya: Sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan meluncurlah bahtera itu membawa orang-orang yang ada di dalamnya dengan **tiupan angin yang baik** dan mereka pun bersukacita dengannya...

Tiba-tiba mereka dikejutkan dengan angin kencang yang menggoncangkan laut yang terkena pada segenap penjuru kapal. Angin ini telah mengubah suasana yang tenang dan aman dalam kapal kepada suasana yang menakutkan. Pemilihan sifat angin dengan kata nama maskulin amat tepat sekali dengan suasana getir dan menakutkan kerana penggunaan kata nama maskulin membawa maksud kasar, keras dan mencabar.

Apabila meneliti kepada konteks surah al-Anbiya'. Perkataan الريح^١ datang dalam konteks yang berlawanan dengan surah Yu:nus. Ayat surah al-Anbiya:' menerangkan tentang anugerah Allah (s.w.t) kepada Nabi Daud (a.s) beserta anaknya Nabi Sulaiman (a.s). Gunung-ganang, bukit-bukau semuanya bertasbih bersama nabi Daud (a.s). Surah ini juga menerangkan Allah (s.w.t) mengajar Nabi Daud (a.s) teknologi membuat baju besi. Seterusnya ayat surah al-Anbiya:' menerangkan berkenaan angin baik yang diutus oleh Allah (s.w.t) yang membawa bersamanya hujan dan kebaikan kepada bumi yang akhirnya menyebabkan tumbuhan, rumput dan buah-buahan tumbuh dengan subur. Dalam konteks ini sesuai sekali penggunaan عاصفة^٢ الريح kerana penggunaan kata nama feminin membawa maksud kelembutan dan keberkatan. Angin yang diutus oleh Allah kepada Nabi Daud dan Sulaiman (a.s) berhembus dengan perintah-Nya ke negeri yang diberkati oleh Allah (s.w.t).⁷⁴

4.3 I'ja:z Baya:niyy Dalam Struktur Ayat

Terdapat pelbagai bentuk i'ja:z baya:niyy dalam struktur ayat iaitu penggunaan penegasan (tawki:d), pendepanan dan pengakhiran (taqdi:m dan ta'khir), penyebutan dan pengguguran (dhikr dan hadhf), ta'ri:f dan tanki:r serta i:ja:z dan iṭna:b. Penulis akan menghuraikan secara terperinci beberapa aspek i'ja:z baya:niyy dalam struktur ayat dalam bab yang akan datang seperti yang dinyatakan dalam batasan kajian pada awal penulisan ini iaitu penegasan, ta'ri:f dan tanki:r serta i:ja:z dan iṭna:b. Antara contoh i'ja:z baya:niyy yang melibatkan struktur ayat ialah:

⁷⁴ al-Qaysiyy (1996), *op.cit.*, hal. 168-171.

4.3.1 Penegasan (Tawki:d).

Penggunaan penegasan dalam al-Qur'an menjadi salah satu bukti i'jaz baya:niyy.⁷⁵ Penggunaan penegasan dalam al-Qur'an adalah bertepatan dengan konteks dan maksud yang ingin disampaikan dalam sesuatu ayat. Contoh penggunaan penegasan dalam al-Qur'an ialah firman Allah (s.w.t):

إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٦﴾

“**Sesungguhnya** Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang fasik”.
Surah al-Muna:fiqun (63):6

Dalam al-Qur'an, ayat berkaitan Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang fasik tanpa penegasan disebut pada empat tempat iaitu:

(a) Firman Allah (s.w.t):

ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِالشَّهَادَةِ عَلَىٰ وَجْهٍ أَوْ يَخَافُوا أَنْ تُرَدَّ أَيْمَانٌ بَعْدَ أَيْمَانِهِمْ

وَأْتُوا اللَّهَ وَاسْمَعُوا ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٥٨﴾

Surah al-Ma:idaṭ (5) :108

(b) Firman Allah (s.w.t):

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ
أَقْرَبْتُمْوهَا وَتَحَارِيرٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسْكِنٌ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ
وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي

الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٩٢﴾

Surah at-Tawbat (9) : 24

(c) Firman Allah (s.w.t):

أَسْتَغْفِرُ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرُ لَهُمْ إِنْ تَسْتَغْفِرَ لَهُمْ سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ۗ ذَلِكَ

بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٨٠﴾

Surah at-Tawbat (9) : 80

⁷⁵ Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 203.

(d) Firman Allah (s.w.t):

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ۖ يَنْقُومِ لِمَ تُؤْذُونَنِي وَقَدْ تَعَلَّمْتُم مِّنْ أُنِّي رَسُولُ اللَّهِ
إِلَيْكُمْ ۖ فَلَمَّا زَاغُوا أَزَاغَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٥﴾
Surah al-Şaff (61) : 5

Mengapakah di empat tempat, ayat disebut tanpa partikel penegasan dan satu tempat dengan partikel penegasan iaitu dalam surah al-Muna:fiq:n?

Ayat surah al-Ma:idaṭ (5):106-108 adalah dalam konteks menjelaskan hukum wasiat dan saksi yang ditujukan kepada orang yang beriman. Demikian juga ayat surah al-Tawbaṭ (9):24, adalah berhubung perintah kepada orang beriman untuk mengasihi Allah, Rasul dan berjihad di jalan Allah melebihi yang lain. Ayat surah at-Tawbaṭ (9):80 pula dalam konteks menjelaskan kesalahan munafiq yang tidak diampunkan dosanya oleh Allah (s.w.t). Ayat surah al-Şaff (61):5 pula menjelaskan tentang peringatan Nabi Musa (a.s) kepada Bani Israel yang menyakiti Nabi mereka. Analisis dalam keempat-empat ayat ini menunjukkan tidak ada partikel penegasan.

Ayat 6 surah al-Muna:fiqun ditambah dengan partikel penegasan إِنَّ kerana didahului dengan penerangan sifat-sifat orang munafiq secara mendalam. Sifat-sifat mereka ialah; benar-benar pendusta; mereka menjadikan sumpah mereka sebagai perisai untuk menghalang manusia dari menurut jalan Allah; mereka telah beriman kemudian menjadi kafir lalu Allah mengunci hati mereka; mereka bersifat pengecut dan menyangkakan setiap seruan ditujukan kepada mereka; mereka itu musuh yang sebenar ; Allah membinasakan mereka; mereka berpaling dalam keadaan menyombongkan diri; mereka menyatakan jangan memberi perbelanjaan kepada orang-orang Muhajirin yang

berada di sisi Rasulullah (s.a.w) dan mereka berkata sekiranya mereka sampai di Madinah mereka akan mengusir orang yang lemah.⁷⁶

Oleh itu penegasan ayat 6 surah al-Muna:fiq:n dengan satu partikel penegasan sesuai dengan konteks ayat yang menjelaskan ciri-ciri orang munafiq secara terperinci. Ayat-ayat lain tidak perlu kepada partikel penegasan kerana ayat 108 surah al-Ma:idaṭ dan ayat 24 surah al-Tawbaṭ berkaitan orang-orang Islam. Demikian juga ayat 5 surah al-Ṣaff adalah berkaitan orang-orang yang beriman dengan Nabi Musa (a.s), sementara ayat 80 surah al-Tawbaṭ walaupun menyentuh orang munafiq tetapi ciri-ciri munafiq tidak disebut secara terperinci seperti dalam surah al-Muna:fiq:n.⁷⁷

4.3.2 Penyebutan Dan Pengguguran

Antara topik yang berkaitan struktur ayat yang dibincangkan oleh sarjana balaghah ialah penyebutan dan pengguguran (dhikr dan ḥadhf). Salah satu keistimewaan bahasa Arab ialah bahasa Arab merupakan bahasa yang ringkas. Sekiranya sesuatu perkataan atau ayat dapat difahami tanpa menyebutnya dengan wujudnya ungkapan tunjuk (qari:naṭ) yang menunjukkan sesuatu perkataan atau ayat yang digugurkan, maka ianya tidak disebut. Keistimewaan ini juga dapat dilihat dalam al-Qur'an dan seterusnya menjadi satu elemen i'ja:z baya:niyy.⁷⁸

Penyebutan dan pengguguran dalam al-Qur'an mempunyai fungsi dan tujuan. Contohnya al-Qur'an menyebut satu perkataan di satu tempat dan menggugurkannya di tempat yang lain.

⁷⁶ Lihat ayat 1-8 surah al-Muna:fiq:n

⁷⁷ al-Sa:marra:iyy (2009), *op.cit.*, hal. 81-82.

⁷⁸ Za:yid (2007), *op.cit.*, hal. 41.

Firman Allah (s.w.t):

وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّهُ كَانَ
فَنَحِشَةً وَمَقْتًا وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٢٢﴾

“Dan janganlah kamu berkahwin (dengan perempuan-perempuan) yang telah diperisterikan oleh bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perkara yang keji, dan **dibenci (oleh Allah)**, serta menjadi seburuk-buruk jalan (yang dilalui dalam perkahwinan).”

Surah al-Nisa:’(4):22

Firman Allah (s.w.t):

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

Surah al-Isra:’(17):32

Ayat surah al-Nisa:’ menjelaskan larangan mengahwini wanita yang pernah dikahwini oleh bapa manakala surah al-Isra:’ adalah berhubung larangan berzina. Kedua-dua perbuatan ini disifatkan sebagai perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat. Apabila menjelaskan larangan mengahwini wanita yang pernah dinikahi bapa sendiri, Allah (s.w.t) menambah perkataan مَقْتًا. Persoalannya mengapakah dalam surah al-Nisa:’ Allah (s.w.t) menambah perkataan مَقْتًا dan tidak menyebutnya dalam surah al-Isra:’? Jawapannya kembali kepada konteks ayat. Perbuatan mengahwini wanita yang merupakan bekas isteri kepada bapa satu perbuatan yang sangat tidak mulia. Seorang yang waras pemikirannya tidak dapat menerima perbuatan ini dan ia layak mendapat kemurkaan Allah. Huraian ini menunjukkan penyebutan perkataan مَقْتًا dalam surah al-Nisa:’ adalah tepat.⁷⁹

⁷⁹ al-Gharna:ṭiyy (1985), *op.cit.*,j. 1, hal. 200.

4.3.3 Pendepanan Dan Pengakhiran

Perbahasan berkaitan pendepanan dan pengakhiran (taqdi:m dan ta'khir) di dalam al-Qur'an merupakan salah satu bentuk i'jaz baya:niyy yang menarik dan luas untuk dikaji dan dianalisis. Setiap perkataan dalam struktur ayat bahasa Arab mempunyai kedudukan yang tertentu seperti kata kerja mendahului pelaku, pelaku mendahului objek diikuti pelengkap ayat seperti zarf (kata keterangan), (genetif), dan lain-lain. Demikian juga subjek (al-mubtada') mendahului predikat (khabar). Namun begitu dalam situasi yang tertentu susunan ini berubah, contohnya predikat mendahului subjek. Ini dinamakan dalam balaghah bahasa Arab sebagai taqdi:m dan ta'khi:r.⁸⁰

Antara contoh penggunaan pendepanan dan pengakhiran dalam al-Qur'an yang menjadi dalil i'jaz baya:niyy adalah yang berkaitan susunan nama-nama Allah yang indah. Dalam al-Qur'an, sifat ghafu:r sentiasa mendahului sifat raḥi:m seperti dalam surah al-Baqarat (2):173,182, 192, 199, 218, 225, 226; Al 'Imra:n (3):31,89,129, al-Nisa:' (4):34,39,74,98; al-Ma:idaṭ (5): 34,39,74,98), al-An'a:m (6):54,145,165, al-A'ra:f (7):153,167.

Dalam ayat-ayat ini, sifat ghafu:r (maha pengampun) mendahului sifat raḥi:m (maha mengasihani). Susunan ini amat wajar kerana ghafu:r mengandungi maksud mengampun dan menutup segala dosa, sedang raḥi:m mengandungi makna rahmat, kelebihan dan nikmat. Pada lazimnya, setelah mendapat pengampunan barulah seseorang diberi layanan-layanan yang lain berupa nikmat tambahan daripada pengampunan tadi. Dengan ini wajarlah dalam susunan biasa, Allah mendahulukan perkataan ghafu:r dari perkataan raḥi:m.

⁸⁰ La:si:n (1983), *op.cit.*, hal. 94.

Dalam al-Qur'an terdapat satu ayat yang tidak mengikut susunan yang biasa iaitu firman Allah (s.w.t):

يَعْلَمُ مَا يَلْجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا
وَهُوَ الرَّحِيمُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾

Ia mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya, dan apa yang turun dari langit serta apa yang naik kepadanya; dan Dialah jua **yang maha mengasihani, lagi maha pengampun.** Surah Saba: '(34):2

Struktur ayat di atas berbeza dengan ayat-ayat yang lain apabila sifat raḥīm (mengasihani) mendahului sifat maha pengampun. Mereka yang menganalisis struktur ayat ini dengan teliti akan mendapati ayat di atas dalam konteks menjelaskan kekuasaan dan ilmu Allah (s.w.t). Allah mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya, dan apa yang turun dari langit serta apa yang naik kepadanya. Rahmat Allah (s.w.t) jelas dari penciptaan makhluk berupa matahari, bulan, kejadian siang dan malam, bintang-bintang, gunung-ganang, air, binatang ternakan, api dan air. Konteks ayat ini berbeza dengan ayat-ayat lain yang kesemuanya menyebut berhubung dosa-dosa manusia atau kelemahan mereka dalam melaksanakan perintah Allah (s.w.t). Ayat ini langsung tidak menyebut sama ada dosa-dosa manusia mahupun kecuaiannya mereka dalam menunaikan perintah Allah (s.w.t).⁸¹ Demikian juga ayat sebelumnya yang menjelaskan kekuasaan Allah (s.w.t). Allah (s.w.t) berfirman:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَلَهُ الْحَمْدُ فِي الْآخِرَةِ وَهُوَ
الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ ﴿١﴾

Segala puji tertentu bagi Allah yang memiliki dan menguasai segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan baginyalah juga segala puji di akhirat; dan Dialah sahaja yang Maha Bijaksana, lagi Maha mendalam pengetahuannya. Surah Saba: '(34):1

⁸¹ 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 220.

Analisis susunan ayat-ayat ini jelas sekali menunjukkan ketinggian bahasa al-Qur'an, apabila ayat dalam konteks dosa dan kesalahan manusia sifat ghafu:r mendahului sifat raḥi:m dan sekiranya bukan dalam konteks tersebut sifat raḥi:m mendahului sifat ghafu:r.

4.3.4 Ta'rif Dan Tanki:r

Salah satu elemen i'jaz baya:niyy dalam struktur ayat ialah penggunaan gaya bahasa ta'rif dan tanki:r . Penggunaan gaya bahasa ini bersesuaian dengan konteks sesuatu ayat. Sekiranya perkataan yang nakiraṭ ditukar dengan ma'rifaṭ atau sebaliknya maka ia akan mengubah makna dan mesej yang ingin disampaikan tidak tercapai.⁸²

Contohnya al-Qur'an perkataan secara tanki:r dalam beberapa ayat dan dengan gaya bahasa pengkhasan (ta'rif) dan di tempat yang lain seperti dengan cara ida:faṭ حيا تي .

Antara tempat penyebutan dalam secara tanki:r ialah firman Allah (s.w.t):

وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ النَّاسِ عَلَى حَيَاتِهِمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا

Demi Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada **hidup** (yang lanjut masanya), dan (lobanya mereka kepada hidup itu) melebihi loba orang-orang kafir musyrik.
Surah al-Baqaraṭ (2):96

Perkataan dalam ayat di atas datang secara tanki:r dengan tujuan untuk menghina kerana ayat ini menjelaskan perihal golongan Yahudi yang hina kerana sikap mereka yang ingin terus hidup. Jenis kehidupan yang dikehendaki oleh mereka adalah

⁸² al-Kha:lidiyy (2000), *op.cit.*, hal. 230.

kehidupan yang umum tanpa mengambil kira kehidupan tersebut dalam keadaan mulia atau hina.⁸³

Di tempat yang lain, al-Qur'an menyebut perkataan secara tanki:r dengan objektif memuliakan seperti dalam firman Allah (s.w.t):

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً

“Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan **kehidupan** yang baik... Surah al-Nahl(16):97

Ayat ini menjelaskan kehidupan manusia yang beramal soleh sebagai kehidupan yang baik meliputi segala bentuk kehidupan yang dipenuhi dengan ketaatan kepada Allah dan amalan yang soleh.

Di tempat yang ketiga al-Qur'an menyebut perkataan dengan gaya bahasa tanki:r untuk menunjukkan maksud keagungan iaitu kehidupan yang agung hasil dari pelaksanaan hukum qisa:s. Firman Allah (s.w.t):

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيٰوةٌ يٰٓأُولِيَ الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Dan di dalam hukuman qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, Wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa. Surah al-Baqarat(2):179

Ayat ini menjelaskan tujuan pensyariatian hukum qisa:s iaitu untuk mewujudkan kehidupan yang agung yang terbina di atas asas keamanan dan kasih sayang dan bukannya kehidupan yang tidak aman dengan pergaduhan, kezaliman dan pertumpahan darah. Penggunaan perkataan dalam secara tanki:r dalam ayat 179 surah al-Baqarat adalah untuk menunjukkan kehidupan yang diperolehi oleh masyarakat daripada hukum qisa:s yang akan menghalang seseorang dari membunuh kerana takut tertangkap dan

⁸³ Badawiy (1951), *op.cit.*, hal. 128, al-Khalidiyy (2000), *op.cit.*, hal. 231, al-Jurjaniyy (2004), *op.cit.*, hal. 288.

dijatuhkan hukuman bunuh. Demikian juga yang hendak dibunuh juga selamat.⁸⁴ Al-Zamakhsyariyy pula berpandangan penggunaan perkataan secara tanki:r dalam ayat ini membawa maksud kehidupan yang khusus iaitu kehidupan yang berterusan.⁸⁵

Contoh-contoh yang diberikan menunjukkan tujuan penggunaan perkataan dengan gaya bahasa tanki:r mempunyai maksud yang jelas sama ada kehinaan, keagungan atau memuliakan. Maksud-maksud ini difahami dengan melihat konteks ayat.

Demikian juga apabila menganalisis perkataan yang datang dengan gaya bahasa pengkhasan (ta'rif). Perkataan berbentuk ida:fat disebut dalam firman Allah (s.w.t):

وَجَاءَ يَوْمَئِذٍ يَوْمِئِذٍ بِجَهَنَّمَ ۚ يَوْمَئِذٍ يَتَذَكَّرُ الْإِنْسَانُ وَأَنَّى لَهُ الذِّكْرَى ۚ يَقُولُ
يَلَيْتَنِي قَدَّمْتُ لِحَيَاتِي

“Serta diperlihatkan neraka jahannam pada hari itu, (maka) pada saat itu manusia akan ingat (hendak berlaku baik), dan bagaimana ingatan itu akan berguna lagi kepadanya? Ia akan berkata: "Alangkah baiknya kalau aku dahulu sediakan amal-amal baik untuk **hidupku** (di sini)!"
Surah al-Fajr(89):23-24

Kehidupan dalam ayat ini merujuk kepada kehidupan pada hari akhirat. Tujuan penggunaan gaya bahasa pengkhasan dalam ayat di atas untuk menunjukkan maksud pengkhususan. Tujuannya adalah untuk menyatakan hakikat kehidupan yang sebenarnya ialah kehidupan di akhirat.⁸⁶

⁸⁴ al-Kha:lidiyy (2000), *op.cit.*, hal. 233.

⁸⁵ al-Zamakhsyariyy (1987), *op.cit.*, j. 1, hal. 323.

⁸⁶ al-Kha:lidiyy (2000), *op.cit.*, hal. 233, Hari:z (2006), *op.cit.*, hal. 97.

4.3.5 I:ja:z Dan Iṭna:b

I:ja:z dan iṭna:b merupakan salah satu bentuk i'ja:z baya:niyy. Penggunaan kedua-duanya adalah berdasarkan kepada konteks ayat. I:ja:z bermaksud penggunaan lafaz yang sedikit tetapi mengandungi makna yang luas serta mencapai tujuan yang ingin disampaikan.⁸⁷ Iṭna:b pula merujuk kepada penambahan lafaz ayat dan penambahan mempunyai tujuan dan faedah. Sekiranya penambahan tetapi tidak memberi apa-apa faedah maka ia dinamakan sebagai tambahan sesia (taṭwi:l) dan hasywu.⁸⁸

Antara contoh i:ja:z ialah firman Allah (s.w.t):

وَفِي الْقِصَاصِ حَيٰوةٌ ...

Dan dalam hukuman qiṣa:ṣ itu ada jaminan hidup...

Surah al-Baqaraṭ (2):179

Ayat ini tergolong dalam kategori i:ja:z qaṣr iaitu ayat yang ringkas tetapi membawa makna yang luas. Apabila seorang manusia mengetahui sekiranya dia membunuh, maka dia akan dibunuh, maka hukuman ini menjadi penghalang kepadanya untuk membunuh. Dengan terlaksananya hukuman bunuh iaitu qiṣa:ṣ berjaya menghalang pembunuhan dan menyelamatkan nyawa menyebabkan mereka terus hidup. Para sarjana balaghah membuat perbandingan antara ayat ini dengan bidalan Arab:

Hukuman bunuh dapat menafikan pembunuhan

⁸⁷ al-Mara:ghiyy (2002), *op.cit.*, hal. 168, al-Ha:shimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 186.

⁸⁸ Fayyu:d (1992), *op.cit.*, hal. 282, al-Ha:shimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 190.

Bidalan di atas merupakan ayat yang paling ringkas yang hampir maksudnya dengan ayat 179 surah al-Baqara. Para sarjana balaghah telah menyebut dua puluh perbandingan antara dua ayat ini; antaranya:

- (a) Bilangan huruf dalam ayat al-Quran adalah lebih sedikit dari .
- (b) Dalam bidalan berlakunya pengulangan perkataan . Penggunaan perkataan pembunuhan sendiri mengingatkan pendengar dengan sesuatu yang tidak menyeronokkan. Al-Qur'an memilih perkataan yang melahirkan perasaan persamaan serta menunjukkan keadilan. Perkataan berasal dari iaitu menjejaki. Demikian juga pemilihan perkataan lebih senang didengari dari perkataan .
- (c) Tidak semua pembunuhan dapat menghalang kematian. Pembunuhan yang menghalang kematian ialah qīṣa:ṣ apabila penjenayah dijatuhkan hukuman. Pembunuhan sahaja belum tentu boleh menghentikan pembunuhan.
- (d) Dalam ayat al-Qur'an terdapatnya ṭiba:q iaitu qīṣa:ṣ dan kehidupan.
- (e) Makna qīṣa:ṣ lebih luas dari ; meliputi jenayah membunuh dan mencederakan.
- (f) Hukum qīṣa:ṣ difahami dari awal lagi berbanding bidalan. Setelah membaca ayat :
barulah pendengar memahami maksud sebagai hukuman bunuh.⁸⁹

Antara contoh ṭina:b di dalam al-Qur'an ialah firman Allah (s.w.t):

وَمَا تَلَكَ بِيَمِينِكَ يَمُوسَى ﴿١٧٩﴾ قَالَ هِيَ عَصَايَ أَتَوَكَّؤُا عَلَيَّا وَأَهْشُ بِهَا
عَلَىٰ غَنَمِي وَلِي فِيهَا مَعَارِبٌ أُخْرَىٰ ﴿١٨٠﴾

⁸⁹ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal.184-185, al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 2, hal. 36.

"Dan apa (bendanya) yang di tangan kananmu itu Wahai Musa?"Nabi Musa menjawab: "**Ini ialah tongkatku; Aku bertekan atasnya semasa, berjalan, dan aku memukul dengannya daun-daun kayu supaya gugur kepada kambing-kambingku, dan ada lagi lain-lain keperluanku pada tongkat itu**".

Surah Ta:ha:(20):17-18

Ayat di atas adalah berhubung kisah pertemuan Musa (a.s) dengan Allah (s.w.t) di Bukit Tursina. Apabila Allah (s.w.t) bertanya kepadanya: Apa benda yang di tangan kananmu, Musa (a.s) boleh menjawab: **Tongkat** dan berhenti di sini sahaja. Dalam situasi di atas Musa (a.s) telah memanjangkan ucapannya dengan menyebut subjek dan menambah dengan tongkat**ku**. Seterusnya Musa (a.s) menambahkan ucapannya dengan menjelaskan beberapa fungsi tongkatnya secara terperinci iaitu "**Aku bertekan atasnya semasa berjalan, dan aku memukul dengannya daun-daun kayu supaya gugur kepada kambing-kambingku**". Tidak cukup setakat itu Musa a.s. menambah lagi ucapannya dengan "**dan ada lagi lain-lain keperluanku pada tongkat itu.**" Berkemungkinan juga nabi Musa (a.s) mengharapkan dia akan ditanya berhubung keperluan-keperluan lain lantas baginda boleh menambah lagi jawapannya. Dalam situasi ini wajar sekali Musa (a.s) memanjangkan ucapannya kerana baginda sedang berkomunikasi dengan kekasihnya Allah (s.w.t).⁹⁰

⁹⁰ Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 282.

4.4 I'jaz Baya:niyy Dalam Fa:ṣilat Qur'a:niyyat

Terdapat pelbagai definisi fa:ṣilat qur'a:niyyat yang diberikan oleh sarjana i'jaz.⁹¹ Daripada definisi tersebut⁹² dapatlah penulis simpulkan fa:ṣilat qura:niyyat sebagai bentuk-bentuk kesamaan yang terdapat pada akhir ayat al-Qur'an.

Fa:ṣilat qur'a:niyyat merupakan istilah khas bagi al-Qur'an yang mempunyai persamaan dengan saja' dalam prosa biasa dan qa:fiat dalam syair Arab. Disebabkan persamaan ini para sarjana berselisih pandangan berhubung kewujudan saja' di dalam al-Qur'an.

(a) Al-'Askariyy, al-Khafa:jiyy dan Ibn al-Athi:r berpandangan fa:ṣilat qur'a:niyyat adalah sama dengan saja'.⁹³

(b) Al-Rumma:niyy, al-Ba:qilla:niyy dan al-Suyu:ṭiyy berpandangan fa:ṣilat qura:niyyat berbeza dengan saja'.⁹⁴ Al-Rumma:niyy berpendapat fa:ṣilat qur'a:niyyat merupakan satu bentuk balaghah sedangkan saja' tergolong dalam laras bahasa yang lemah.⁹⁵

Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji⁹⁶, penulis cenderung kepada pandangan yang membezakan antara saja' dengan fa:ṣilat qura:niyyat. Penulis memilih pandangan ini kerana laras bahasa fa:ṣilat merupakan satu keistimewaan al-Qur'an yang tidak ada pada teks-teks yang lain. Fakta tersebut

⁹¹ Lihat sebagai contoh: al-Rumma:niyy (1968), *op.cit.*, hal. 37, al-Zarkasyiyy(1994), *op.cit.*, j. 1, hal. 53, 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 225, al-Qaṭṭa:n (1992), *op.cit.*, hal. 136, Qaṣṣa:b (2000), *op.cit.*, hal. 127, Za:yid (2007), *op.cit.*, hal. 257.

⁹² Lihat contohnya al-Zarkasyiyy mendefinisikan fa:ṣilat qur'a:niyyat sebagai "Ia merupakan akhir perkataan dalam ayat" dan 'Abba:s mendefinisikan fa:ṣilat qur'a:niyyat sebagai "lafaz yang mengakhiri ayat."

⁹³ al-'Askariyy (1989), *op.cit.*, hal. 266, Ibn al-Athi:r (1956), *op.cit.*, j. 1, hal.133, Qaṣṣa:b (2000), *op.cit.*, hal. 127, al-Khafa:jiyy (2006), *op.cit.*, hal. 165.

⁹⁴ Lihat contohnya: al-Ba:qilla:niyy (1963), *op.cit.*, hal. 58, al-Suyu:ṭiyy (1988), *op.cit.*, j.1, hal.25-26.

⁹⁵ al-Rumma:niyy (1968), *op.cit.*, hal. 97.

⁹⁶ Lihat contohnya: La:syi:n (1982), *op.cit.*, hal. 6-16, Qaṣṣa:b (2000), *op.cit.*, hal. 127-129.

berasaskan dapatan pengkaji-pengkaji berhubung fa:ṣilat qura:niyyat. Contohnya Abu: Ḥasan, Jama:l dan al-Ḥasya:sy (2007)⁹⁷ dalam kajian mereka mendapati keindahan laras bahasa fa:ṣilat qur'a:niyyat adalah daripada aspek sebutan dan makna. Tidak dinafikan keserasian antara keindahan sebutan dan makna terdapat pada qa:fiat syair dan saja' dalam prosa tetapi keindahan ini bukan pada semua saja' dan qa:fiat.

Kesimpulannya fa:ṣilat qur'a:niyyat merupakan salah satu dari laras bahasa yang terdapat di dalam al-Qur'an yang menjadi dalil kepada i'jaz baya:niyy. Antara contoh yang menunjukkan i'jaz baya:niyy pada laras bahasa fa:ṣilat qur'a:niyyat ialah firman Allah (s.w.t):

﴿٧﴾ فَأَلْقَى السَّحْرَةَ سُجَّدًا قَالُوا ءَامَنَّا بِرَبِّ هَارُونَ وَمُوسَىٰ

“(Nabi Musa pun mencampakkan tongkatnya yang terus menelan segala benda sihir mereka), maka keadaan yang demikian menjadikan ahli-ahli sihir itu segera merebahkan diri sujud sambil berkata: "Kami beriman kepada **Tuhan yang mengutus Nabi Harun dan Nabi Musa**".
Surah Ṭa:ha: (20):7

Dalam ayat ini, perkataan Harun (a.s) mendahului Musa (a.s) sedangkan pada tempat-tempat yang lain nama Musa (a.s) disebut terlebih dahulu barulah disebut nama Harun. Antara ayat yang susunan dan konteksnya sama dengan ayat ini ialah firman Allah (s.w.t):

﴿٤٨﴾ فَأَلْقَى السَّحْرَةَ سَاجِدِينَ (46) قَالُوا ءَامَنَّا بِرَبِّ الْعَالَمِينَ (47) رَبِّ مُوسَىٰ
وَهَارُونَ (48)

Maka (kemenangan Nabi Musa menjadikan) ahli-ahli sihir itu segera merebahkan diri sujud, sambil berkata: "Kami beriman kepada Tuhan sekalian alam, **Tuhan Nabi Musa dan Nabi Harun**".
Surah al-Syu'ara: (26):46-48

⁹⁷ Lihat: (1) Abu: Ḥassa:n, Jama:l (1994), *al-Dala:lat al-Ma'nawiyat li fawa:ṣil al-A:ya:t al-Qur'a:niyyat*, Tesis Ph.D, Sudan: Ja:mi'at al-Qur'a:n al-Kari:m wa al-'Ulu:m al-Isla:miyyat, (2) al-Ḥasya:sy, Musa: Muslim Salla:m (2007), *al-I'jaz al-Baya:niyy fi: al-Fa:ṣilat al-Qur'a:niyyat, Dira:sat Taḥfi:qiyyat 'ala Su:rat al-Nisa:'*, Tesis M.A, Kulliyat Uṣul al-Di:n, Universiti Islam, Ghaza.

Terdapat beberapa tafsiran yang diberikan oleh para sarjana berhubung penyebutan Harun sebelum Musa dalam Surah Ṭa:ha:.

(a) Musa (a.s) dikemudiankan dalam surah Ṭa:ha: supaya menepati fa:ṣilat qur'a:niyyat. Semua ayat dalam surah Ṭa:ha: berakhir dengan fa:ṣilat yang sama.⁹⁸

(b) Ayat ini menjelaskan dua bentuk ujaran tukang sihir Firaun. Sebahagian mereka menyebut _____ manakala sebahagian yang lain menyebut _____.⁹⁹

(c) Harun didahulukan kerana usianya lebih tua.¹⁰⁰

Tafsiran mendahulukan Harun kerana menjaga fa:ṣilat qur'a:niyyat diterima tetapi ia hanya melihat dari sudut sebutan tanpa menganalisis makna dan konteks ayat. Tafsiran kedua masih boleh dipersoalkan kerana pendepanan hanya dalam surah Ṭa:ha: sahaja tidak dalam surah-surah yang lain. Demikian juga tafsiran yang ketiga juga tidak kukuh kerana tiada dalil yang jelas bahawa Harun lebih tua sama ada dalam al-Qur'an atau hadith.

Antara sebab yang kuat penyebutan Harun (a.s) mendahului Musa (a.s) ialah surah Ṭa:ha: merupakan satu-satu surah yang menyebut secara terperinci berhubung peranan Harun dalam membantu Musa (a.s).¹⁰¹ Pernyataan ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

⁹⁸ Riḍa: (1993), *op.cit.*, j. 7, hal. 90, 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 226, al-Sa:marra:iyy (1998), *op.cit.*, hal. 222.

⁹⁹ 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 226-227.

¹⁰⁰ al-'Ima:diyy (1990), *op.cit.*, j. 3, hal. 476, al-Bayḍa:wiyy (1998), *op.cit.*, j. 2, hal. 52

¹⁰¹ 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 226.

Jadual 4.1 Perbandingan kisah Musa dan Harun dalam Surah Ṭa:ha: dan Surah al-Syu'ara:¹⁰²

Bil.	Surah Ṭa:ha:	Surah al-Syu'ara:'
1	Penyebutan nama Harun berulang kali dalam surah Ṭa:ha:. Harun menjadi pembantu Musa dalam menyampaikan utusan. (Ayat 29, 30, 42, 43, 45, 46, 47, 49, 63, 90, 92).	Penyebutan nama Harun tidak sebanyak surah Ṭa:ha:. Ayat-ayat surah ini lebih tertumpu kepada nabi Musa (a.s). Ayat yang menyebut tentang Harun (a.s) hanyalah ayat 13 dan 15.
2	Surah Ṭa:ha: dalam konteks menghuraikan perintah-perintah Allah dan peranan Musa dan Harun (a.s)	Surah al-Syu'ara:' dalam konteks perintah berfokus pada nabi Musa (a.s) sahaja.
3	<p>Menyebut perasaan takut Nabi Musa (a.s) dalam peristiwa pertandingan antara Musa (a.s) dan tukang sihir. Ini dinyatakan dalam ayat 64-70. Firman Allah (s.w.t):</p> <p>فَأَجْمَعُوا كَيْدَكُمْ ثُمَّ اتُّوْا صَفًّا وَقَدْ أَفْلَحَ الْيَوْمَ مَنِ اسْتَعْلَىٰ (64) قَالُوا يَمْوَسِيٰٓءَ ۖ إِنَّمَا أَنْ تُلْقِيٰ وَإِنَّمَا أَنْ نَكُونُ أَوْلَٰى مَنْ أَلْقَىٰ (65) قَالَ بَلْ أَلْقَوْا ۖ وَإِنَّمَا حِبَابُهُمْ وَعِصِيَّهُمْ تُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِنْ سِحْرِهِمْ ۚ إِنَّهَا نَسْعَىٰ (66) فَأَوْجَسَ فِي نَفْسِهِ خِيفَةً مُّوسَىٰ (67) قُلْنَا لَا تَخَفْ ۖ إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعْلَىٰ (68) وَأَلْقَىٰ مَا فِي يَمِينِكَ تَلْقَفَ مَا صَنَعُوا ۖ وَإِنَّمَا صَنَعُوا كَيْدٌ سِحْرٍ ۖ وَلَا يُفْلِحُ السَّاحِرُ حَيْثُ أَتَىٰ (69) فَأَلْقَىٰ السَّحْرَةَ سُجَّدًا قَالُوا ءَأَمْنَا بِرَبِّ هَرُونَ وَمُوسَىٰ (70)</p> <p>64. "Oleh itu, satukanlah segala cara helah kamu, kemudian datanglah beramai-ramai dalam satu barisan untuk menentangnya; dan sesungguhnya beruntunlah orang yang menang pada hari ini". 65. Mereka berkata: "Wahai Musa! Engkaukah yang akan mencampak lebih dahulu atau kamikah yang mula-mula mencampak?"</p>	<p>Tidak menyebut ketakutan Nabi Musa (a.s). Aspek-aspek kesempurnaan dan kekuatan Musa dijelaskan dalam surah ini.</p> <p>Firman Allah (s.w.t):</p> <p>فَجُمِعَ السَّحْرَةُ لِمِيقَاتِ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ (38) وَقِيلَ لِلنَّاسِ هَلْ أَنْتُمْ مُّجْتَمِعُونَ (39) لَعَلَّنَا نَتَّبِعُ السَّحْرَةَ إِن كَانُوا هُمْ الْغَالِبِينَ (40) فَلَمَّا جَاءَ السَّحْرَةَ قَالُوا لِفِرْعَوْنَ ۖ إِنَّ لَنَا لَأَجْرًا إِن كُنَّا نَحْنُ الْغَالِبِينَ (41) قَالَ نَعَمْ وَإِنَّكُمْ إِذَا لَمِنَ الْمُقْرَبِينَ (42) قَالَ لَهُمْ مُّوسَىٰ أَلْقُوا مَا أَنْتُمْ مُّلقُونَ (43) فَأَلْقَوْا حِبَابَهُمْ وَعِصِيَّهُمْ وَقَالُوا بِعِزَّةِ فِرْعَوْنَ إِنَّا لَنَحْنُ الْغَالِبُونَ (44) فَأَلْقَىٰ مُوسَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِيَ تَلْقَفُ مَا يَأْفِكُونَ (45) فَأَلْقَىٰ السَّحْرَةَ سَاجِدِينَ (46) قَالُوا ءَأَمْنَا بِرَبِّ الْعَالَمِينَ (47) رَبِّ مُوسَىٰ وَهَارُونَ (48)</p>

¹⁰² al-Sa:marra:iyy (1998), *op.cit.*, hal. 222-224, Za:yid (2007), *op.cit.*, hal. 261-262.

	<p>66. Nabi Musa menjawab: "Bahkan kamulah campak dahulu". tiba-tiba tali-tali mereka dan tongkat-tongkat mereka terbayang-bayang kepadanya seolah-olah benda-benda berjalan, disebabkan sihir mereka.</p> <p>67. Maka yang demikian menjadikan Nabi Musa merasa takut sedikit dalam hatinya.</p> <p>68. Kami berfirman kepadanya: "Janganlah Engkau takut (Wahai Musa)! Sesungguhnya engkaulah yang tertinggi mengatasi mereka dengan kemenangan.</p> <p>69. "Dan campakkanlah apa yang ada di tangan kananmu, nescaya ia menelan segala (benda-benda sihir) yang mereka lakukan, kerana sesungguhnya apa yang mereka lakukan itu hanyalah tipu daya ahli sihir; sedang ahli sihir itu tidak akan beroleh kejayaan, di mana sahaja ia berada".</p>	<p>38. Lalu dikumpulkanlah ahli-ahli sihir itu pada satu masa yang ditentukan, pada hari (perayaan) yang termaklum.</p> <p>39. dan dikatakan kepada orang ramai: "Berkumpulah kamu semuanya;.</p> <p>40. "Semoga kita (tetap) mengikut (agama) ahli-ahli sihir itu kiranya merekalah orang-orang yang menang".</p> <p>41. Maka ketika ahli-ahli sihir itu datang, berkatalah mereka kepada Firaun: "Benarkah kami akan beroleh upah, kiranya kamilah orang-orang yang menang?"</p> <p>42. Firaun menjawab: "Benar, (kamu akan mendapatnya) dan sesungguhnya kamu dengan itu akan menjadi dari orang-orang yang dekat kepadaku".</p> <p>43. Nabi Musa berkata kepada mereka: "Campakkanlah dahulu apa yang kamu hendak campakkan".</p> <p>44. Lalu mereka mencampakkan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka sambil berkata: "Demi kekuasaan Firaun, sesungguhnya sudah tetap kamilah orang-orang yang akan menang".</p> <p>45. Kemudian Nabi Musa pula mencampakkan tongkatnya, tiba-tiba tongkatnya itu menelan apa yang mereka pura-pura adakan (dengan sihir mereka).</p> <p>46. Maka (kemenangan Nabi Musa menjadikan) ahli-ahli sihir itu segera merebahkan diri: sujud,</p> <p>47. sambil berkata: "Kami beriman kepada Tuhan sekalian alam,</p> <p>48. "Tuhan Nabi Musa dan Nabi Harun".</p>
3.	Bermula dengan dua huruf Ta:-Ha:, Ha: merupakan huruf pertama bagi Harun	3. Bermula dengan Ta:-Si:m-Mi:m, Mi:m merupakan huruf pertama bagi Musa

Analisis ini jelas menunjukkan i'jaz al-Qur'a:n dalam pemilihan fa:ṣilat qur'a:niyyat. Pemilihannya bukan sahaja untuk memenuhi keindahan bahasa dari aspek sebutan tetapi juga dari aspek makna yang berkait dengan konteks ayat.¹⁰³

4.5 I'jaz Dalam Kepelbagaian Qira'at

Antara aspek yang jarang disentuh oleh penulis-penulis kajian i'jaz ialah balaghah perbezaan Qira'at. Antara kajian ilmiah yang dijalankan berkaitan persoalan ini ialah al-Wuju:h al-Bala:ghiyat fi: Tawji:h al-Qira:at al-Mutawa:tiraṭ oleh al-Jamal, Muḥammad Aḥmad 'Abd al-'Azi:z tesis kedoktoran Universiti Yarmouk, Jordan. Kajian yang dijalankan menunjukkan analisis perbezaan Qira'at dapat membuktikan bahawa bacaan ini diterima secara mutawa:tir dan pada masa yang sama menjadi bukti i'jaz.

Dari segi istilah, sarjana-sarjana awal Qira'at seperti Ibn Muja:hid (m 324H), Ibn Khalawayh (m 370H), Abu: 'Aliyy al-Fa:risiiyy (m 377H), Makki: bin Abu: Ṭa:lib (m 247H) tidak meletakkan definisi Qira'at. Perkara ini disebabkan faktor Qira'at menjadi suatu ilmu yang tersebar pada waktu itu.¹⁰⁴ Ia juga disebabkan ulama silam tidak mementingkan definisi bagi istilah-istilah sebagaimana yang dilakukan oleh sarjana yang kemudian.¹⁰⁵ Antara sarjana awal yang memberikan definisi Qira'at ialah Abu: Ḥayya:n al-Andalusiyy (m 745H), al-Zarkasyiyy (m 794H), Syams al-Di:n al-Jazariyy (m 833H) dan al-Suyu:ṭiyy (m 911H). Definisi-definisi ini diambil oleh sarjana-sarjana Qira'at moden.¹⁰⁶ Antara definisi Qira'at yang paling lengkap ialah

¹⁰³ Lihat i'jaz al-Qur'a:n dalam pemilihan fa:ṣilat qur'a:niyyat dalam karya-karya berikut: 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 221-227, Qaṣṣa:b (2001), *op.cit.*, hal. 136-146, al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 319-327, Za:yid (2007), *op.cit.*, hal. 258-267, al-Ḥasya:sy(2007), *op.cit.*, hal. 97-108.

¹⁰⁴ al-Jama:l (2005), *op.cit.*, hal. 23, 'Abba:s (2008), *op.cit.*, hal. 79.

¹⁰⁵ 'Abba:s (2008), *op.cit.*, hal.79.

¹⁰⁶ al-Jama:l (2005), *op.cit.*, hal. 23, 'Abba:s (2008), *op.cit.*, hal. 79.

definisi Ibn al-Jazariyy yang diterima oleh sarjana-sarjana selepasnya seperti al-Qastala:niyy (m 933H), al-Dimya:tiyy (m 1117H), al-Dabbagh, Muḥammad ‘Aliyy (m 1376 H), al-Qa:ḍiyy, ‘Abd al-Fatta:h (m 1403H) dan Muḥaysin, Muhammad Sa:lim (m 1422H).¹⁰⁷ Menurut Ibn al-Jazariyy, Qira’at ialah cara-cara atau wajah-wajah bacaan perkataan al-Qur’an yang dinisbahkan kepada pembawanya.¹⁰⁸ Pembawa ini terdiri imam-imam Qira’at yang berhubung sanadnya terus kepada Rasulullah (s.a.w).¹⁰⁹

Penelitian dan penghayatan kepelbagaian Qiraat daripada aspek balaghah menjadi dalil i’ja:z al-Qur’a:n. Antara contoh i’ja:z dalam qira:at qur’a:niyyat ialah perbezaan daripada aspek titik. Contohnya pada penyebutan perkataan , sesetengah qurra:’ membaca dengan titik yang berbeza antara dengan . Para qurra:’ berbeza pada bacaan dalam ayat:

وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٧٤﴾

Sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang **kamu** **kerjakan**.
Surah al-Baqarat (2):74

Mereka juga berbeza pada bacaan pada tempat-tempat lain seperti surah al-Baqarat 74, 85, 144,149, surah al-An’ a:m 132, surah Hu:d 123, surah al-Naml 93. Di tempat yang lain pula semua qurra’ membaca dengan .¹¹⁰

¹⁰⁷ al-Jama:l (2005), *op.cit.*, hal. 24, ‘Abba:s (2008), *op.cit.*, hal. 80.

¹⁰⁸ Ibn al-Jazariyy (1980), *op.cit.*, hal. 3.

¹⁰⁹ Antara sepuluh qurra:’ yang terkenal ialah Na:fi’ al-Madaniyy (m 169H), Ibn Kathi:r al-Makkiyy (m 120H), Abu ‘Amru: bin al-‘ Ala:’ al-Bašriyy (m 154H), Ibn ‘A:mir al-Sya:miyy (m 118H), ‘A:šim al-Ku:fiyy (m 127 H), Hamzaṭ al-Ku:fiyy (m 156 H), al-Kasa:iyy (m 189H), Abu: Ja’far al-Madaniyy (m 130H), Ya’qu:b al-Bašriyy (m 205H) dan Khalaf al-‘A:syi:r (m 229H) Lihat: al-Jama:l (2005), *op.cit.*, hal. 51-68, ‘Abba:s (2008), *op.cit.*, hal. 96-115.

¹¹⁰ ‘Abba:s (2008), *op.cit.*, hal. 291.

Antara ayat yang berbeza dari segi bacaan ialah:

(a) Firman Allah (s.w.t):

أَفْتُمُونَن بَبَعَضِ الْكُتُبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعَضِ مَا جَزَاءُ مَن يَفْعَلُ ذَلِكَ
مِنكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ وَمَا
اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ (85)

“Sesudah itu maka patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian(dari isi) Kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain? Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia, dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang **kamu lakukan**.
Surah al-Baqarat(2):85.

Dalam ayat ini Na:fi’, Ibn Kathi:r dan Syu’bat̄ membaca dengan manakala

qurra:’ yang lain membaca dengan ¹¹¹.

(b) Firman Allah (s.w.t):

قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ
الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا
الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ (144)

Kerap kali Kami melihat engkau (Wahai Muhammad), berulang-ulang menengadahkan ke langit, maka Kami benarkan Engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Hara:m (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Kaabah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang **mereka lakukan**. Surah al-Baqarat (2): 144.

Ibn ‘A:mir, Hamzat̄, al-Kisa:iyy dan Khalaf membaca dengan manakala

qurra:’ yang lain membaca dengan ¹¹².

¹¹¹ ‘Abba:s (1987). al-Qira:a:t al-Qur’a:niyyat̄ min al-Wujhat̄ al-Bala:ghiyyat̄, *Dira:sa:t*, Jordan: al-Ja:mi’at̄ al-Urduniyyat̄. Thn.14,Bil.10, hal. 27, Ra:jih̄ (1994), *op.cit.*, hal. 13.

¹¹² Ra:jih̄ (1994), *op.cit.*, hal. 22.

(c) Firman Allah (s.w.t):

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِنَّهُ لَلْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ
وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ (149)

Dan dari mana sahaja Engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Haram (Kaabah); dan sesungguhnya perintah berkiblat ke Kaabah itu adalah benar dari Tuhanmu. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan segala apa yang **kamu lakukan**. Surah al-Baqarat (2):149

Abu: 'Amru telah membaca dengan manakala qurra:' yang lain membaca dengan ¹¹³.

Pada tempat yang lain para qurra:' bersepakat membaca dengan dalam ayat-ayat berikut:

(a) Firman Allah (s.w.t):

أَمْ تَقُولُونَ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطَ كَانُوا هُودًا
أَوْ نَصْرَىٰ قُلْ ءَأَنْتُمْ أَعْلَمُ أَمِ اللَّهُ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ كَتَمَ شَهَادَةً عِنْدَهُ مِنَ
اللَّهِ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ (140)

"Atau patutkah kamu mengatakan, bahawa Nabi Ibrahim, dan Nabi Ismail, dan Nabi Ishak, dan Nabi Yaakub beserta anak-anaknya, mereka semua adalah orang-orang Yahudi atau Nasrani, (padahal agama mereka telah pun ada sebelum adanya agama Yahudi atau agama Kristian itu)?" Katakanlah (Wahai Muhammad): "Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allah? Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan keterangan (saksi dan bukti) yang telah diberikan Allah kepadanya?" Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang telah **kamu lakukan**. Surah al-Baqarat(2):140. ¹¹⁴

¹¹³ Ra:jih (1994), *op.cit.*, hal. 23.

¹¹⁴ Ra:jih (1994), *op.cit.*, hal. 21.

(b) Firman Allah (s.w.t):

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ مَن ءَامَنَ تَبِعُونَهَا عَوِجًا وَأنتُمْ
شُهَدَاءُ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ (99)

Katakanlah: "Wahai ahli kitab! Mengapa kamu menghalangi orang-orang yang beriman daripada menurut jalan jalan (agama Islam), kamu hendak menjadikan jalan Allah itu bengkok terpesong, padahal kamu menyaksikan (kebenarannya)? "Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang **kamu lakukan.**

Surah A:l 'Imra:n (3):99¹¹⁵

Berhubung ayat 85 surah al-Baqarat, penggunaan secara ganti diri ketiga bertujuan mencela apa yang dilakukan oleh mereka dan mereka tidak layak menerima ungkapan ini. Penggunaan diri kedua bertujuan mengugut mereka secara terus.¹¹⁶

Ayat 144 dan 149 surah al-Baqarat pula berkaitan hukum perubahan kiblat dari Baitul Maqdis ke Masjidil haram. Perubahan kiblat memberi kesan kepada golongan yang iri hati dengan Islam seperti Yahudi. Penggunaan membawa maksud hiburan dan mengukuhkan jiwa orang mukmin kerana Allah (s.w.t) tidak lalai dari apa-apa yang dilakukan oleh musuh Islam. Oleh itu orang-orang Islam tidak perlu runsing dengan tindakan musuh Islam kerana mereka tidak dapat berbuat apa-apa. Penggunaan juga membawa maksud amaran kepada golongan Yahudi dan musuh-musuh Islam dari memperkecilkan perintah perubahan kiblat kerana Allah (s.w.t) tidak lalai dari mereka dan mereka akan menerima balasan atas apa-apa yang mereka lakukan.¹¹⁷

Penggunaan pula merupakan membawa maksud Allah (s.w.t) tidak akan mengabaikan orang-orang yang beriman dalam memberi balasan atas perlakuan menghadap kiblat. Ayat ini memberi motivasi kepada mereka untuk berpegang teguh

¹¹⁵ Ra:jih (1994), *op.cit.*, hal. 62.

¹¹⁶ 'Abba:s (1987), *al-Qira:at al-Qur'a:niyyat Min Wujhat al-Bala:ghiyat*, dalam al-Dira:sat, j. 14, bil. 7, hal. 28-29, 'Abba:s (2008), *op.cit.*, hal. 293.

¹¹⁷ Ibid, 'Abba:s (2008), *op.cit.*, hal. 294.

dengan perintah Allah (s.w.t) dan bersabar atas tohmahan musuh kerana Allah tidak akan melupakan mereka dengan memberi pahala dan ganjaran. ¹¹⁸

Ayat 140 surah al-Baqaraṭ dan ayat 99 surah A:l 'Imra:n tidak berbeza dari segi bacaannya kerana tidak ada sebab untuk berlakunya perbezaan kerana situasi menyampaikan mesej kepada sasaran (maqa:m al-khitab). Ayat ini ditujukan khusus kepada ahli kitab. Firman Allah (s.w.t) dalam ayat 140 surah al-Baqaraṭ di dahului dengan persoalan kepada ahli kitab yang bermaksud: "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allah? " manakala ayat 99 surah A:l 'Imra:n dimulakan dengan yang bermaksud: Wahai ahli kitab!.¹¹⁹

Kesimpulannya, perbezaan dan persepakatan daripada segi bacaan menunjukkan:

- (a) Qira'at merupakan sesuatu yang mutawatir dan bukan ijtihad
- (b) Menunjukkan i'jaz al-Qur'an

4.6 Penutup

Bab ini membincangkan elemen-elemen dalam i'jaz baya:niyy yang terdapat dalam al-Qur'an. Analisis menunjukkan penggunaan kata tugas dalam al-Qur'an berfungsi dan istilah huruf imbuhan (ma'a:ni:) tidak begitu tepat. Pengguguran, penyebutan serta penggunaan kata tugas yang berbeza dalam konteks yang hampir sama jelas menunjukkan ketelitian al-Qur'an dalam pemilihan kata tugas.

¹¹⁸ Ibid, 'Abba:s (2008), *op.cit.*, hal.295.

¹¹⁹ Ibid.

I'jaz baya:niyy dalam perkataan pula dapat dilihat melalui pemilihan perkataan pada tahap faṣa:haṭ yang tinggi, penyebutan dan pengguguran huruf pada perkataan tertentu, pemilihan perkataan yang hampir sama dari segi makna serta pemilihan kata feminin dan maskulin dalam konteks yang hampir sama. I'jaz baya:niyy dalam struktur ayat pula dibuktikan melalui penggunaan penegasan, pendepanan dan pengakhiran, penyebutan dan pengguguran, gaya bahasa ta'rif dan tanki:r, i:ja:z dan iṭna:b yang bertepatan dengan konteks ayat dan mempunyai pelbagai fungsi balaghah. I'jaz baya:niyy juga dapat dibuktikan melalui fa:ṣilaṭ qur'a:niyyaṭ dan kepelbagaian Qira'at.